*Secondly*, when a person has been arrested on a warrant, he must be produced as soon as possible before a Magistrate in the receiving territory, who must be satisfied that the person arrested is the person specified in the warrant before he directs that he be taken back to the issuing territory; and

*Thirdly*, the Magistrate in the receiving territory will have the discretion to release on bail the person arrested subject to the law as to cases in which bail may locally be granted.

In addition, it has been provided that Magistrate in the receiving territory means a President of a Sessions Court or a First Class Magistrate, a Magistrate of the First Class in the Borneo territories or a District Judge in Singapore.

**Enche' Abdul Samad bin Osman:** Sir, I beg to second.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

*Clauses 1 to 5—*

**Dato' Sheikh Abu Bakar:** Dato' President, Sir, with regard to section 3 of the Act; in Johore State, there is an Enactment which empowers the Kathi of the Religious Court after trial to send all its relevant papers to the Magistrate's Court for execution, and also warrants of execution and summonses against the defendant. I take it, Sir, as Johore now is a unit of the Federation of Malaysia that this Act also applies to Johore State.

**Enche' Athi Nahappan:** Sir, as far as one can see, this Act brings up to

date the mechanism of the Court, the Federation of Malaya as was then known, vis-a-vis the new territories; and what the Honourable Member raised was in connection with Johore State and this law confines itself to Magistrate's warrants and summonses.

**Dato' Sheikh Abu Bakar:** What I want to know is, whether Kathi's Court in Johore Court will come under the present Act.

**Mr President:** You mean the Religious Court?

**Dato' Sheikh Abu Bakar:** Yes, Sir. In regard to the Kathi's Court, as you know, after trial the Kathi used to send all its papers to the Magistrate for execution of summonses, etc., to the defendant. This was done before, but now that Johore is a unit of the Federation, I see no reason why this Act should not extend to Johore State.

**Enche' Athi Nahappan:** If the Religious Court is spelt out, then these summonses and warrants shall also be applicable to the other territories of Malaysia. This Act would cover that. But this Act does not make provision for the Religious Court. It merely provides for the Magistrate's Courts, which are secular courts, and any provision for the Religious Courts must be separately introduced.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Mr President, Clause 2 of this Bill says the "component territory of Malaysia" means Sabah, Sarawak, Singapore or the States of Malaysia, in which case Johore comes in.

**Enche' Athi Nahappan:** No one disputes the inclusion of Johore within the structure of Malaysia. The question is whether summonses issued by a Religious Court in a State of the Mainland is applicable to the new territories of Malaysia. This Bill merely provides for the Magistrate's Courts, which are secular and not religious. I think this Bill does not cover the Religious Courts.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Mr President, Sir, I am not a legal man but in the interpretation of this law, when a summon issued in a Shariah

Court is handed to the Magistrate's Court then the service becomes civil. It is no more a Shariah Court case, and so it applies in this case.

**Dato' Sheikh Abu Bakar:** Sir, the Kathi's Court mostly deals with separation between husband and wife and also maintenance orders. The Kathi's Court cannot execute it. Therefore it sends all the papers down to the Magistrate and the Magistrate issues a decree to the defendant; who will have to pay; and if he does not pay, then his property will be attached by the Court. I think I am satisfied with what the Honourable Member said just now, when he said that Magistrate's Courts do not apply to the Kathi's Court.

**Enche' Athi Nahappan:** Precisely that is the fact, Mr President, Sir, so far as execution of decrees of the Kathi's Courts are concerned. In so far as the procedure of execution of warrants and summonses is concerned, I am not aware if there is a provision of channelling such through the Magistrate's Courts; if there is then it would come within the provisions of this Ordinance, and summons issued or which emanate from a Kathi's Court and subsequently channelled through a Magistrate's Court would enjoy the benefit of this provision.

*Clauses 1 to 5* ordered to stand part of the Bill.

*Schedule* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

## THE CONSOLIDATED FUND (NATIONAL SECURITY EXPENDITURE) BILL

### Second Reading

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to apply a sum out of the Consolidated Fund toward expenditure during the financial year 1965 in connection with the defence of the Federation, the maintenance of internal security and public order and related matters" be read a second time.

**Dato' Y. T. Lee:** Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

**The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin):** Mr President, Sir, this House may recall that at the last Budget session, a similar law was passed which enabled the Government to spend an additional sum of \$50 million in the event of additional expenditure for defence and security being required during the year beyond what had been authorised or included in the Estimates now being debated by the Dewan Ra'ayat. We do not know what the future holds in store for us in so far as Indonesian confrontation and aggression are concerned and, therefore, it would be prudent for the same contingency to be provided for next year. It is not possible to foresee or to inform the House at this stage of the details of the additional expenditure which may be required for the purpose.

As I stated last year, Article 102 (b) of the Constitution lays down a special procedure for meeting situations of this kind, when owing to the indefinite character of the requirements or to circumstances of unusual urgency, it appears necessary to authorise expenditure without going through the normal procedure of tabling detailed estimates, and the Government has decided that it is appropriate to ask the House to take similar action in accordance with this special provision once again. I should add that this procedure is followed in the British Parliament. It is called a vote of credit there and several votes of credits were taken in each of the war years, i.e. the period of both the First and Second World Wars. As the House is well aware, we are practically in a state of undeclared war, which is not of our own seeking, with Indonesia, and thus the need for the special procedure is clear.

I have no doubt at all that the overwhelming majority of Honourable Members will give their wholehearted support to the Government in taking whatever measures are deemed necessary to safeguard the security of our nation. We are determined to see that Malaysia is securely defended and will

not hesitate to provide the necessary financial requirements for this purpose.

In respect of the vote of credit of \$50 million which has been provided for this year, I am glad to be able to inform the House that to date we have not as yet touched the resources provided in this vote. It is unlikely that the provision will be made use of this year.

As I explained last year, the Government will of course come subsequently to this House in the normal manner with full estimates for approval in the event that any part of this vote has to be drawn upon. The provision of the \$50 million asked for in this Bill is in the nature of an emergency reserve to be used in the event of it not being practicable to keep within the estimated provision asked for in the Ordinary Estimates of Expenditure, 1965. I can give an assurance to the House that this provision of \$50 million will be drawn upon only for purposes connected with the threat to national security and only if the Government is satisfied that the expenditure is essential for the preservation of our nation.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi Kerajaan meminta kepada Parlimen ini supaya meluluskan satu peruntokan sa-banyak \$50,000,000 bagi maksud<sup>2</sup> kepentingan pertahanan dan keselamatan. Saya faham bahawa ini ia-lah kebiasaan yang di'amalkan oleh negeri<sup>2</sup> lain, dan dengan sebab itu tidak-lah menjadi luar biasa apabila Kerajaan kita meminta. Saya sedar apabila melihat sebab<sup>2</sup> yang di-beri oleh Kerajaan dalam Bill ini dan mengapa permintaan ini di-buat. Dalam paragraph 2 di-katakan:

"The emergency situation in Malaysia arising from the Indonesian policy of 'Confrontation' has recently grown more serious . . . ."

Melihat dari keterangan<sup>2</sup> yang di-kemukakan oleh Kerajaan dalam Bill ini nyata-lah apa yang di-katakan konfrantasi dari Indonesia itu telah bertambah<sup>2</sup> merbahaya menyusahkan dan mengejutkan kita. Dengan sebab itu saya tidak bertujuan hendak menentang Bill ini. Chuma saya mahu menyatakan kesal, sebab boleh jadi

Kerajaan tidak pernah berkata benar kepada ra'ayat dalam soal konfrantasi ini, sebab apa yang kita dengar melalui Radio dan keterangan<sup>2</sup> yang di-berikan, kejayaan<sup>2</sup> telah banyak kita dapat dan pehak pencherobohan Indonesia itu telah gagal di-dalam segala tindak-tandok-nya bagi mengachau negara kita ini. Tetapi bila kita lihat kepada kenyataan Kerajaan memberikan sebab<sup>2</sup> meminta perbelanjaan menunjokkan more serious, lebeh<sup>2</sup> lagi bertambah kesulitan kepada negara, jadi ini nyata-lah bertentangan sangat. Saya perchaya ada Kerajaan menyembunyikan kepada ra'ayat negeri ini sa-suatu yang sa-benar yang patut di-ketahui oleh ra'ayat dalam negara demokrasi. Saya sedar juga tidak semua Kerajaan mesti memberitahu rahsia<sup>2</sup> negara dan kepentingan<sup>2</sup> negara, tetapi saperti yang berlaku baharu<sup>2</sup> ini, Kerajaan tidak pernah mengeluarkan sa-barang kenyataan tiba<sup>2</sup> satu berita daripada BBC London menyebutkan tentang ada-nya usaha<sup>2</sup> pendaratan beratus<sup>2</sup> orang Indonesia di-pantai timor Tanah Melayu di-katakan telah dapat di-serkap oleh Angkatan Laut British. Dan sa-sudah berita ini di-siarkan di-dalam akhbar<sup>2</sup> Tanah Melayu, agak-nya sa-sudah diminta keterangan<sup>2</sup> oleh pemberita<sup>2</sup>, baharu Kerajaan mengeluarkan satu kenyataan sambil mengingatkan ra'ayat jangan dengar desas desus tentang berita<sup>2</sup> karut marut. Jadi di-sini saya yakin Kerajaan telah menyembunyikan satu yang patut di-ketahui oleh ra'ayat, sa-hingga London mengemukakan lebeh dahulu. Ra'ayat telah menunjokkan bukti keta'atan, telah menunjokkan bukti setia, telah menunjokkan kesanggupan kerana mempertahankan negara ini. Dan sa-kali pun Kelantan sa-bagai sa-buah negeri yang di-perintah oleh pehak Pembangkang--PAS, ia terang<sup>2</sup> pada masa dahulu mengatakan kita tidak mahu Malaysia. Tetapi kerana ta'at kepada demokrasi, bila Malaysia jadi "*fait accompli*", kita telah memberikan sokongan dan kita telah membuktikan dengan usaha<sup>2</sup> Minggu Perpaduan di-mana lebeh beratus ribu ringgit telah dapat di-pungut bahkan sa-hingga sekarang maseh di-pungut bantuan<sup>2</sup> bagi kepentingan negara kita ini sebab itu ra'ayat harus-lah di-beri

peluang mengetahui lebeh banyak perkara<sup>2</sup> yang berlaku dalam negeri ini bagi menaikkan semangat mereka itu untok mempertahankan negara ini.

Satu lagi saya katakan kekeliruan yang di-buat ia-itu sa-lepas pendaratan yang berlaku di-Labis oleh tentera<sup>2</sup> payong terjun, kita dapat tahu pula dari berita surat khabar keterangan yang di-beri oleh Kerajaan bahawa sa-orang anggota payong terjun telah dapat di-tangkap di-Rompin di-negeri Pahang di-pantai timor. Kenyataan Kerajaan dalam surat khabar yang kita dapat baca mengatakan, ini ada-lah sa-orang daripada tentera payong Indonesia yang turun di-Labis. Saya chukup sangsi, sangsi sa-kali sebab Labis dengan Rompin jauh dan berhutan rimba, bagaimana-kah sa-orang boleh turun dari udara di-Labis tiba<sup>2</sup> boleh berjalan kaki sampai di-Rompin dan di-tahan oleh Kerajaan. Ra'ayat merasai mungkin apa<sup>2</sup> telah berlaku di-Rompin, tetapi Kerajaan tidak mahu memberi tahu kepada ra'ayat, sebab mustahil sa-kali orang itu turun di-Labis boleh sampai di-Rompin melalui hutan rimba yang beratus batu jauh-nya. Jadi ini juga menjadi satu kesangsian. Kita mengharapnkan Kerajaan bercherita dengan benar kepada ra'ayat dalam perkara saperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan, sa-sudah dapat bukti kesetiaan ra'ayat bagi pertahanan negara ini dengan ada-nya Minggu Perpaduan Kebangsaan di-seluruh negara Malaysia ini, harus-lah lebeh gentleman dalam menghadapi masaalah national ini. Maksud saya sa-kira-nya Kerajaan merasai bahawa masa-nya telah sampai bagi negara dan tiap<sup>2</sup> gulongan ra'ayat negeri ini harus mengeneipkan kepentingan<sup>2</sup> politik sendiri supaya mereka dapat menumpukan kepentingan negara dalam anchaman yang besar ini. Saya perchaya tidak ada sebab kita tidak boleh membuat saperti yang di-buat oleh negara<sup>2</sup> lain apabila mereka telah yakin bahawa negara dalam anchaman mewujudkan perpaduan national dengan erti kata membentok sa-buah Kerajaan national dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali Kerajaan Perikatan merasa chukup besar jumlah-nya dan tidak dapat membangkang-nya dan boleh menggulingkan Kerajaan Perikatan. Sebab itu Kerajaan tidak pernah bersuara untuk mewujudkan Kerajaan National, sa-buah Kerajaan Kebangsaan, seperti yang di-buat di-England dalam masa perang, Pembangkang dan Kerajaan bersama<sup>2</sup> membentok Kerajaan. Kerajaan mengakui keadaan telah bertambah berat, kerana itu Minggu Perpaduan di-adakan dan ra'ayat diminta bukti ta'at setia, yang demikian mengapa ragu<sup>2</sup> membubar Kerajaan Perikatan sekarang ini dan kemudian membentok sa-buah Kerajaan yang berchorak kebangsaan yang di-dalamnya semua Parti<sup>2</sup> Politik ikut serta memainkan peranan di-dalam suasana seperti sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan-lah luar biasa, ini ada-lah perkara biasa yang di-lakukan, oleh kerana keadaan ini telah menjadi keadaan perlawanan senjata dan memang mengancam keselamatan negara kita. Di-dalam keadaan yang sa-macam ini apabila di-wujudkan sa-buah Kerajaan Kebangsaan, kita dapat menchari jalan penyelesaian semua masalah bagi kepentingan national yang sa-benar<sup>2</sup>-nya dan saya perchaya semua masalah akan dapat kita atasi jika Kerajaan Kebangsaan yang sa-benar<sup>2</sup> dapat di-wujudkan di-dalam negara kita ini. Boleh jadi Kerajaan Perikatan ini tidak begitu perchaya kepada Parti<sup>2</sup> Pembangkang. Tetapi dengan sa-chara apa lagi hendak di-uji, dengan sa-chara apa lagi hendak di-chuba mengetahui ketat'atan setia daripada gulongan<sup>2</sup> pembangkang, semua-nya telah di-buktikan dengan Minggu Perpaduan dan sa-bagai-nya dan itu-lah sebab-nya saya katakan tadi patut kita mewujudkan sa-buah Kerajaan Kebangsaan, di-mana kita semua mesti sanggup bersama<sup>2</sup> di-dalam Cabinet bagi mentadbirkan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya masalah<sup>2</sup> Malaysia kita ini terus-menurus juga bagini, \$50 million yang kita minta untuk mempertahankan negara ini di-samping wang yang telah di-peruntukkan untuk Kementerian

Pertahanan dan juga Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di-dalam Budget kita, tidak akan mencukupi. Sebab kita harus berbelanja lebeh \$1 million sa-hari dan kalau terjadi keadaan yang lebeh berat bererti perbelanjaan yang besar di-kehendaki dan kedudukan kewangan kita tidak-lah sa-kuat yang kita harapkan. Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut menchari jalan keluar bagaimana mengatasi suasana confrontation Indonesia, dengan chara mendapatkan penyelesaian melalui negeri<sup>2</sup> Afro-Asia dan seperti yang telah pernah di-katakan di-dalam Dewan ini, jangan selalu di-tekanakan kepada syarat<sup>2</sup> yang kita faham tidak akan dapat membawa kita kepada meja perundingan, tetapi saya setuju seperti yang di-kemukakan oleh Menteri Luar India di-dalam Parlimen India baharu<sup>2</sup> ini sa-waktu membayangkan policy Kerajaan India yang ingin bersama<sup>2</sup> dengan Kerajaan Republic Arab Bersatu untuk champor tangan menjadi orang-tengah menyelesaikan sengkita Indonesia-Malaysia, ia-itu menchari jalan keluar bagi menyelesaikan masalah<sup>2</sup> politik yang menjadi puncha persengkitaan di-kawasan Tenggara Asia ini terlebih dahulu, daripada membicharakan soal pertentangan senjata. Saya ingat dalam sidang Dewan ini juga saya telah mengatakan bahawa sa-nya dengan peluru sa-mata<sup>2</sup> tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini, tetapi penyelesaian akhir mesti-lah di-meja perundingan juga.

Tuan Yang di-Pertua, berulang<sup>2</sup> kali Kerajaan kita menyatakan bahawa kita sedia untuk berunding dengan syarat Indonesia mesti menarek keluar semua Pasokan<sup>2</sup> Bersenjata di-dalam negara kita dan Indonesia menghormati kedaulatan negara kita. Tetapi di-samping kita mengikut apa yang di-nyatakan oleh Kerajaan, kita juga mengikut di-lain pihak Kerajaan mengatakan, bahawa tidak ada pencheroboh yang berjaya dalam Malaysia, tiap<sup>2</sup> kemasokan pencheroboh<sup>2</sup> kita tangkap, telah kita tawan, telah kita bunoh dan telah kita hapuskan bahkan sa-kali pun saya tidak biasa melawat ka-Sarawak dan ka-Sabah, tetapi berita<sup>2</sup> yang kita ketahui apa yang berlaku di-Sarawak

dan Sabah, bukan ada satu kawasan yang di-perintah oleh pencheroboh tetapi sa-mata<sup>2</sup> ada gerakan pukul churi datang menyeberang ka-sempadan lari balek bila di-pukul oleh tentera<sup>2</sup> Malaysia. Jadi di-mana-kah sebab-nya Kerajaan katakan mahu meminta supaya di-undorkan tentera<sup>2</sup> Indonesia daripada bumi Malaysia, pada hal apa yang Kerajaan sebutkan di-lain pehak mengatakan semua yang di-Malaya telah di-tangkap, di-pukul mundur, telah di-gagalkan dan di-sabelah Sarawak mereka datang dari seberang, kita kejar dia lari balek. Yang demikian syarat<sup>2</sup> yang menghendaki di-tarek keluar tentera itu tidak ada erti apa<sup>2</sup>. Mana hendak di-keluarkan, semua telah di-tangkap atau di-bunuh. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa melemahkan hujah<sup>2</sup> kita kepada dunia lain.

Tuan Yang di-Pertua, sikap kita telah jelas, kita tidak-lah berchadang untuk menyerahkan negeri kepada siapa, tetapi sa-bagai manusia, kita ingin hidup aman dan damai. Kita mahu penyelesaian dan penyelesaian tidak boleh dapat dengan maki, dengan hamun, dengan tembak, tetapi dengan berunding dan perundingan tidak boleh wujud melainkan dengan sikap bertolak ansor dan mahu benar<sup>2</sup> kepada penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini, sa-kali pun sedang berikhtiar untuk mendapat sokongan dan perhatian negara<sup>2</sup> lain, khusus-nya di-Africa, tetapi perbuatan kita di-ibaratkan, satu tangan menggali, tangan yang lain menimbus. Langkah membenarkan lawatan Menteri Luar China Formosa dan pembukaan konsol ada-lah melemahkan dan merugikan kita dalam diplomasi dengan negara<sup>2</sup> Afrika yang sedang bergolok itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sebab-nya saya katakan harus berhati<sup>2</sup>. Saya tidak mahu menganjorkan perkara ini, tetapi saya katakan harus berhati<sup>2</sup>, jangan tangan kanan mengorek, tangan kiri menimbus. Jadi tidak ada erti apa<sup>2</sup> di-dalam diplomasi, di-dalam suasana international saperti sekarang ini. Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kepada Kerajaan supaya

dalam berusaha bersungguh<sup>2</sup> bagi mempertahankan negara kita dari bahaya<sup>2</sup> dari luar dan bahaya lain yang mungkin akan timbul, bukan dari apa yang di-katakan konfrontation Indonesia sahaja, tetapi dari benda<sup>2</sup> dari dalam negara kita sendiri. Kita menyokong Kerajaan dalam menghadapi masalah ini. Tadi lagi telah saya katakan tentang national atau pun Kerajaan Kebangsaan. Saya ulangi, oleh kerana negara ini dalam bahaya betul<sup>2</sup>, perpaduan national itu di-kehendaki betul<sup>2</sup>. Sudah tiba masa-nya untuk Kerajaan membubarkan Kerajaan Perikatan hari ini dan kita bentok Kerajaan yang berchampur semua parti bagi menghadapi chabaran daripada luar. Ini sudah biasa di-amalkan, tidak ada sebab tidak boleh di-amalkan di-dalam negeri ini dan PAS akan membuktikan kesungguhan di-dalam memikul tanggung-jawab di-dalam sa'at negara kita terancam sekarang.

Sekian, terima kaseh.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Mr President, Sir, I wish to give my full support to this Bill. I cannot understand why my Honourable friend of the Opposition, Enche' Amaluddin, was saying about a coalition Government. He also said that we are not doing enough to let people know the serious position we are in with confrontation. I think he has not read the Explanatory Statement of the Bill we have here. It says:

"The emergency situation in Malaysia arising from the Indonesian policy of 'Confrontation' has recently grown more serious . . . ."

Sir, it is only the policy that has grown serious and it is not the invasion that has grown serious. The Honourable Member has stated that the B.B.C. has declared that there is a band in our frontiers in Kalimantan with the intention to invade Malaysia. Intention is not an act; it has not yet occurred. We have heard from time to time the expression of our Prime Minister that Malaysia wants peace. We want harmony. We do not want war, and we do not want harmony to escalate into a hot war. Our intention is to keep the peace. Unless the people of Indonesia or, let us say, Soekarno is serious about

these conferences, we cannot trust him. We are prepared to support our Government in all eventualities but, above all, we are a peaceful people and we desire peace in this country. We are going to make all this provision of \$50 for the sake of security (*Laughter*)—\$50 million, I am sorry—for the sake of security and not for war. The intention of our Opposition Member is that we must form a coalition Government in case of war. But there is no war indeed. It is not our intention to fight. Our only intention is to preserve our security. Now, he says that we must tell the people what we intend to do, at the same time telling our enemies first what we intend to do. That cannot be done. What he says, Sir, cannot be done. First, I must ask, how do you know that the P.M.I.P. can be trusted? (*Laughter*) (*Applause*). They may be saying one thing in Parliament and outside, in their constituencies, they may tell the electorate another thing for the enemy. We cannot trust them. We are able to trust our friend, Enche' Amaluddin here—he is a most trustworthy person to be a Senator—but can we trust others outside? So, I suggest that we cannot form a coalition Government with the P.M.I.P., and we cannot give all the information that the enemy requires. If my Honourable friend could have seen the Television, it would have given him enough information already and to those who intend to know that the Government is doing.

Regarding Taiwan, I would like to say that we are asking help from her in respect of agriculture only; we are not asking them to come and fight for us. It is not war. We are asking her people to come and help us in agriculture, because their knowledge of agriculture is the best in the Far East and, just because we ask a person to come and help us, it is not the intention to call that party to support us in case of war. I hope that the P.M.I.P. does not think that we intend to go to war with Indonesia. We want peace and, above all, we want peace with honour. Thank you. (*Applause*).

**Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> yang ada

di-hadapan Majlis ini sa-bagai bacaan kali yang kedua. Dan dasar-nya, bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi, ia-lah satu dasar yang biasa dibuat dalam beberapa buah negeri dalam masa sa-umpama yang kita hadapi pada hari ini. Saya telah duduk berjam<sup>2</sup> mendengar ucapan daripada pehak Pembangkang masa membahathkan Rang Undang<sup>2</sup> ini, dia telah berchakap dengan panjang lebar, malangnya saya kata "macam lagu lama juga." Dia tidak membahathkan dasar Undang<sup>2</sup> ini bahkan terkeluar jauh daripada apa yang patut di-bahathkan di-dalam Majlis ini. Dia mula berkata dia menyokong, kemudian dia kesal. Dia katakan kesal itu dengan sebab Kerajaan tidak ada memberi kenyataan yang betul, Kerajaan biasa menyembunyikan perkhabaran, dan tidak di-terangkan kepada ra'ayat, kemudian dia meleret pula kata-nya, Kerajaan pada masa ini patut mengadakan sa-buah Cabinet yang berchampur termasuk-lah diri dia sendiri agak-nya—pehak P.M.I.P. Maka dia pula melarat sampai kepada Afro-Asia supaya kita meminta pula jasa baik pehak di-sana mendamaikan pertelingkahan kita dengan Indonesia. Itu perkara<sup>2</sup> yang tidak ada kena-mengena sa-kali dengan dasar Undang<sup>2</sup> yang ada di-hadapan Majlis ini.

Saya tidak tahu-lah fasal apa yang dia boleh berchakap begitu panjang, tetapi itu-lah, sa-bagaimana yang saya katakan tadi, lagu lama yang saya selalu dengar daripada pehak Pembangkang, bila dia ada peluang, selalu dia tidak lepas peluang itu di-gunakannya. Jikalau-lah dia tadi mendengar dengan teliti-nya apa<sup>2</sup> yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tentu-lah dia tidak mengatakan dukachita atau kesal, kerana Menteri Kewangan tadi telah menerangkan ia-itu wang yang diminta ini hanya-lah peruntokan sahaja yang akan di-gunakan jika mustahak. Dia tidak mengatakan yang dia mesti gunakan wang \$50 million itu, tetapi dia minta peruntokan dan, jika mustahak dan wajib di-gunakan, pada masa itu dia tidak-lah payah lagi datang ka-Majlis ini meminta kebenaran hendak

menggunakan wang itu. Masaalah di hadapan kita pada hari ini ia-lah penentangan kita dengan Indonesia yang kita tidak tahu apa akan jadi masa yang akan datang. Dari itu tidakkah patut bagi kita bersedia? Umpama macham kita tengok hari gelap, kita hendak keluar dari rumah, kita bawa payong—itu di-namakan persediaan. Begitu-lah dengan Rang Undang<sup>2</sup> yang ada di-hadapan Majlis kita ini yang telah di-terangkan oleh Menteri Kewangan tadi supaya bersedia, bila masa di-kehendaki, tidak payah dia datang lagi meminta kebenaran daripada Majlis ini membenarkan dia membelanjakan wang yang patut di-belanjakan kerana negara, kerana kedaulatan negara kita dan kerana keamanan negara kita juga.

Saya tidak-lah hendak membutirkan satu-persatu-nya yang di-chakapkan oleh pehak pembangkang tadi kerana jikalau saya bahathkan pun, saya juga akan jadi keluar daripada Standing Order. Tidak patut saya menghilangkan masa Majlis ini dan saya tahu ada lagi pehak<sup>2</sup> Menteri yang hendak menjawab. Ini-lah sahaja saya rasa patut saya chakapkan ia-itu pehak pembangkang patut-lah sa-belum memberikan fikiran yang munasabah atas satu<sup>2</sup> perbahathan, di-atas satu<sup>2</sup> perkara di-dalam Majlis ini, hendak-lah mendengar dengan teliti-nya, apa yang di-terangkan oleh Menteri yang membawa usul, satu<sup>2</sup> perkara dalam Majlis ini. Demikian-lah, terima kasih.

#### **Menteri Penerangan dan Penyiaran (Enche' Senu bin Abdul Rahman):**

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri, yang sa-benar-nya, tidak sama sa-kali berfikir akan berucap pada pagi ini di-Dewan yang bahagia ini, tetapi manakala saya mendengar ucapan daripada wakil daripada Kelantan, pehak pembangkang tadi, saya juga merasa bahawa, sa-bagaimana yang di-sebut oleh Dato' yang berucap lebeh dahulu tadi, tidak faham yang sa-benar-nya ka-mana dan apa-kah yang di-tujukan oleh wakil tersebut. Oleh itu saya rasa ada-lah sangat mustahak supaya kekeliruan yang di-bangkitkan, yang di-terbitkan, oleh wakil daripada pehak pembangkang tadi di-bersehdan dari Dewan ini

supaya tidak-lah kekeliruan itu me-rebak keluar dan di-gunakan pula oleh pehak lawan kita, ia-itu pehak Indonesia.

Saya perchaya ini-lah chara-nya, ini-lah ucapan<sup>2</sup> yang di-kehendaki sangat oleh pehak Indonesia untuk menghentam kita dan menyalahkan kita. Apa yang di-sebut oleh Enche' Yang Berhormat tadi, ia-itu berkenaan dengan Kerajaan hendak menyembunyikan perkara<sup>2</sup> yang benar, saya di-sini ingin menyatakan dengan lebeh terang, ada-lah salah sama sa-kali. Kerajaan kita sama sa-kali tidak akan menyembunyikan perkara<sup>2</sup> yang benar. Kita berpegang kepada dasar kita dan itu-lah di-jadikan dasar pada masa yang lepas dan dasar pada hari ini dan dasar yang akan datang.

Sa-balek-nya pehak Indonesia yang menyembunyikan perkara<sup>2</sup> yang benar dengan menggunakan perkataan<sup>2</sup> yang menipu ra'ayat Indonesia sendiri. Jadi saya harap mudah<sup>2</sup>an penerangan ini dapat di-terima dengan baik ia-itu pehak pembangkang. Jabatan Penerangan atau pun Kerajaan, sama sa-kali tidak akan menyembunyikan perkara<sup>2</sup> yang di-fikirkan benar dan yang patut di-ketahui oleh ra'ayat. Tetapi memang-lah pada satu masa atau dari satu masa ka-satu masa, ada berita<sup>2</sup> yang di-fikirkan terpaksa di-tahan lebeh dahulu untuk kepentingan keselamatan negara kita atau keselamatan pertahanan kita. Jadi itu-lah sebab-nya barangkali di-lambatkan sedikit.

Dan berkenaan dengan kata Yang Berhormat tadi bahawa askar turun di-Rompin, daripada pandangan Yang Berhormat itu, perkara itu tidak boleh terjadi dengan kerana tidak boleh daripada Labis hendak berjalan kaki bagitu jauh ka-Rompin. Jadi ada-kah Yang Berhormat itu membayangkan bahawa ada pendaratan yang besar pula di-Rompin yang tidak di-terangkan oleh Kerajaan. Ada-kah pehak Yang Berhormat itu di-kehendaki mengatakan bahawa Kerajaan menyembunyikan perkara itu. Itu juga berita<sup>2</sup> sa-bagai pembantu pehak Indonesia, kerana berita itu sama sa-kali tidak benar, kerana berita yang di-keluarkan itu berita yang di-beri

tahu oleh orang yang menyerah diri di-Rompin itu. Jadi itu sebab saya kata tadi, saya sendiri merasa ragu<sup>2</sup>—apa sebab, apa tujuan dan ka-mana tujuan-nya ucapan Yang Berhormat itu di-tujukan. Banyak perkara<sup>2</sup> dalam ucapan itu yang saya katakan merugikan kita daripada menguntongkan kita.

Kita menguchap terima kaseh tentang sokongan, tentang perdirian yang di-katakan oleh Yang Berhormat tadi, menyokong Kerajaan, membantu Kerajaan dalam masa ini, tetapi sabalek-nya Yang Berhormat ini menyalahkan pula Kerajaan. Menchadangkan pula supaya di-adakan satu Kerajaan Kebangsaan. Tentu masalah itu dan perkara itu sudah di-jawab oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Noah. Saya tidak akan panjangkan lagi berkenaan dengan perkara itu.

Tetapi satu perkara yang saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang bahagia ini ia-itu berkenaan dengan tuduhan yang di-katakan bahwa kita, pehak Kerajaan ini, tidak berusaha bersungguh<sup>2</sup> hendak menyelesaikan confrontation atau aggression dari Indonesia dengan bersungguh<sup>2</sup>, dengan ikhlas dan jujur. Saya katakan perkataan-nya itu adalah sangat menyedehkan sa-kali, kerana Yang Berhormat itu tentu tahu bagaimana pehak Kerajaan, bagaimana pehak Yang Teramat Mulia Tunku sendiri beberapa kali telah menyebut, beratus<sup>2</sup> kali telah menyebut, bagaimana ikhlas, bagaimana jujur kita hendak menyelesaikan perkara ini dengan aman dan damai. Kalau tidak sa-chara aman dan damai, kalau tidak ikhlas dan jujur, dari pehak Kerajaan dan Kerajaan tidak akan terima undangan permintaan berunding di-Tokyo, berunding di-Manila dan dimana<sup>2</sup> pun, Ahli Yang Berhormat itu tentu tahu bahawa yang hendak mengganyang ini bukan kita, yang mencheroboh bukan kita, kita tidak pernah mengatakan sa-kali pun, bahawa kita hendak mengganyang Indonesia, kita hendak mencheroboh Indonesia, hendak menghapuskan Indonesia, hendak mengancham Indonesia, sa-balek-nya Indonesia hendak

mengganyang kita, hendak menganchorkan, hendak mencheroboh kita.

Kita chuma berkehendakkan supaya Indonesia terima syarat<sup>2</sup> kita berikan, itu yang kita minta. Syarat<sup>2</sup>-nya habis kechil, memintakan supaya di-undorkan askar<sup>2</sup> itu, gurila<sup>2</sup> yang di-katakan sukarelawan<sup>2</sup> keluar daripada tanah ayer kita. Yang Berhormat mengatakan tadi tidak ada barangkali sukarelawan<sup>2</sup> itu, tetapi Subandrio sendiri mengaku, wakil Indonesia sendiri mengaku dalam United Nations ada di-hantar sukarelawan<sup>2</sup> itu ka-Malaysia dan mengikut kata Subandrio, untuk pengetahuan Yang Berhormat itu, perkara pengundoran ini tidak akan di-jalankan sama sa-kali atau semua sa-kali, melainkan akan di-jalankan berunchit<sup>2</sup> atau in stages, mengikut penyelesaian politik nanti. Ini yang di-pegang Indonesia pada hari ini. Indonesia tidak mahu mengundorkan tentera<sup>2</sup>-nya, mengundorkan sukarelawan<sup>2</sup> daripada negara kita, kerana dia hendakkan perundingan dahulu kemudian manakala satu perundingan baharu dengan penyelesaian yang dapat di-chapai daripada sa-tingkat ka-sa-tingkat, dia hendak undorkan tentera dia. Itu memang taktik perjalanan masa Hitler dahulu di-Germany, di-Austria, di-Poland, macham ini juga taktik yang di-jalankan oleh Sukarno pada hari ini. Jadi ada-kah kita pula di-salahkan bahawa kita hendak Indonesia menarek askar dia keluar. Kerana kita juga ada kehormatan, ada meruah sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka dan berdaulat,—orang hendak hanchorkan kita, hendak ganyang kita, hendak mamah kita, hendak cheroboh kita. Kita chuma meminta supaya di-keluarkan tentera<sup>2</sup>-nya dengan baik dan mari-lah kita duduk di-meja perundingan, berunding-lah kita dengan baik. Itu yang kita meminta dan berapa kali Yang Amat Berhormat, Tunku Perdana Menteri, juga kita semua mengatakan kita tidak bermusoh dengan Indonesia, tidak bermusoh dengan ra'ayat Indonesia dan kita sentiasa menchari penyelesaian dengan aman dan damai.

Saya harap ucapan Yang Berhormat tadi tidak-lah akan di-kelirukan

atau melirukan dan dapat di-salah gunakan di-luar pula. Jadi itu-lah sebab-nya saya mengatakan tadi dan amat merasa sukachita dan kerana pada masa ini kita berkehendakkan perpaduan, kita berkehendakkan seluruh ra'ayat menyokong di-dalam masa kita menghadapi bukan confrontation—ini aggression, sudah pun pencherobohan. Dahulu chuma confrontation chakap mulut sahaja, tetapi sudah pencherobohan sa-chara betul<sup>2</sup>. Pada masa ini sa-patut-nya tidak ada perkataan<sup>2</sup> yang patut di-sebutkan, yang boleh melemahkan perpaduan kita.

Dan lagi pula saya beruchap juga, Yang Berhormat tadi menyebut berkenaan dengan Minggu Perpaduan atau perpaduan yang kita jalankan dahulu. Saya sendiri beruchap beribu terima kasih kepada Kerajaan Kelantan, Kerajaan yang di-kuasai oleh Parti PAS, kerana telah berjaya dalam menyokong Minggu Perpaduan dengan sa-penoh-nya. Saya harap semangat yang di-tunjokkan di-dalam Minggu Perpaduan itu, akan di-teruskan berjalan di-mana<sup>2</sup> juga di-dalam Dewan ini, di-luar Dewan atau di-mana<sup>2</sup> juga. Dengan jalan yang samacham itu baharu-lah kita dapat mempertahankan tanah ayer kita. Saya tidak akan berchakap panjang chuma itu-lah sahaja. Saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat, supaya jangan-lah ucapan<sup>2</sup> yang bagini dan senang sahaja ucapan yang bagini boleh di-salah gunakan oleh pehak<sup>2</sup> musuh kita.

Kalau-lah Ahli Yang Berhormat itu membuka Radio Indonesia daripada Pekan Bahru atau daripada Medan, ucapan Yang Berhormat ini, saya percaya, akan di-gunakan oleh pehak Indonesia. Terima kasih.

**Dato' J. E. S. Crawford:** Mr President, Sir, I rise to fully support the Bill now before this House to provide a sum of \$50 million for use, if necessary, in the defence of the Federation of Malaysia.

Mr President, Sir, Yang Berhormat Enche Amaluddin suggested the formation of a coalition Government from all parties. I do not think this

is at all necessary, Sir. At present the Alliance Government commands the full respect and support of the vast majority of the Malaysians. Therefore, there can be no need whatsoever for a coalition Government. Thank you. (*Applause*).

**Enche' Lim Hee Hong:** Mr President, Sir, I rise to support this Bill.

There is one point on which I would like to reply to my friend from the Opposition side. First of all, I must congratulate our Government for having allowed the Government of the Republic of China in Taiwan to establish a consulate here. I think to establish their consulate here is more to our benefit than to the other side. I do not see anything wrong in that. Both our Government and the Government of the Republic of China are anti-communists, and I am glad that they are willing to establish a consulate here. We should appeal to them because they will give us more help than we can help them. I only hope that our Government will give full recognition to the Government of Republic of China in the near future. I never heard my friend mentioning about the Republic of Korea. We have already had full recognition, full diplomatic service, with that country. Perhaps, our friend on the Opposition has forgotten or has overlooked that.

**Enche' Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong peruntukan sa-banyak \$50 million untuk keselamatan negara ini yang di-bachakan bagi kali kedua. Saya ingin mengambil sedikit perbahathan ia-itu sa-telah saya dengar sa-paroh jalan sahaja tadi ucapan Yang Berhormat daripada Kelantan menyatakan rasa kesangsian-nya dan juga mengatakan sa-suatu yang tidak tepat dan tegas di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan—Kerajaan negara Malaysia pada hari ini, terhadap pertahanan dan keselamatan negara, maka saya mendapat satu ilham yang bukan dari perasaan<sup>2</sup> khial tetapi mempunyai bukti<sup>2</sup> yang dapat di-katakan 90 peratus sa-tidak<sup>2</sup> kebenarannya, Yang Berhormat dari Kelantan itu bertanya, di-mana-kah pencherobohan berlaku, di-mana kawasan

di-negara Malaysia yang telah di-ta' aloki oleh pencherobohan Indonesia atau pun askar<sup>2</sup> Indonesia—tidak ada satu pun. Dan salah sa-orang daripada Menteri kita tadi mengatakan sa-muga jangan-lah hendak-nya ada ra'ayat yang akan keliru dan akan di-kelirukan oleh ucapan Yang Berhormat daripada Kelantan itu. Saya mengatakan bahawa ra'ayat di-Malaysia yang tahu perkembangan pergolakan siasah di-tanah ayer sudah tentu tidak akan terpengaruh dan tidak akan terkeliru, kechuali manusia<sup>2</sup> yang tidak siuman atau pun bodoh, otak-nya beku, tidak tahu perkembangan dan tidak mengikut perkembangan sahaja-lah yang akan terkeliru.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia terek balek perkataan tidak siuman itu.

**Enche' Saidon bin Kechut:** Saya tidak menudoh Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya kata orang<sup>2</sup> yang tidak siuman otak-nya bukan-lah Yang Berhormat dari Kelantan. Jadi kalau kita fikirkan dengan sa-pintas lalu sahaja pun, kalau mithal-nya kita nafikan sukarelawan<sup>2</sup> Indonesia tidak menjejakkan kaki-nya di-bumi Malaysia, tetapi kita tahu apa yang telah berlaku di-sempadan Malaysia dari semenjak konfrantasi di-lancharkan oleh Indonesia, kita tahu bagaimana kekuatan tentera<sup>2</sup> musuh berada di-sempadan Malaysia ini dan apa-kah tujuan-nya dan apa-kah perintah yang di-arahkan kapada tentera<sup>2</sup> Indonesia ini, lain tidak tujuan-nya mahu mengganyang dan menghanchorkan negara kita Malaysia. Bukan-kah ini satu perediaan untuk pencherobohan yang mungkin lebeh besar di-satu masa yang akan datang? Dan di-dalam soal apa yang telah di-katakan perundingan, kita harus menyelesaikan masalah negara kita ini dengan chara perundingan bukan dengan chara peluru, apa-kah ini maseh belum tegas lagi?

Kita berkehendakkan segala penyelesaian. Anchaman kapada kedaulatan negara Malaysia ini harus di-undorkan, kemudian perundingan akan kita adakan. Maka dengan

maksud dan tujuan yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan ini berma'ana Yang Teramat Mulia Tunku dan juga seluruh negara—kekuatan negara dan juga bumiputera negara dan penduduk<sup>2</sup> ra'ayat jelata negara kita ini harus di-biarkan di-telan bulat<sup>2</sup> sahaja oleh angkara<sup>2</sup> musuh, ini-lah perundingan terakhir dan ini-lah chara keselamatan menurut tragedy dan principle daripada partai PAS Kelantan agak-nya. Dan bagi kami yang tahu menjaga maruah dan mempunyai taraf sa-bagai satu bangsa yang telah merdeka, kami ingin tiap<sup>2</sup> sa-suatu yang di-minta dengan chara lemah lembut sa-kali, dua kali, tiga kali tidak mendapat pertimbangan—tidak mendapat belas kasehan dan sa-olah<sup>2</sup>-nya kami ini harus merengkok, menyembah, maka tidak ada apa<sup>2</sup> jalan lain yang dapat kita jalankan melainkan mengenggam buku lima sa-kurang<sup>2</sup>-nya, kita bagikan ka-dagu musuh agar gigi-nya berlumba<sup>2</sup> masok ka-dalam perut (*Tepok*). Dan kalau saya katakan bahawa untok mengelokkan, untok memperkemaskan dan untok melichinkan supaya di-dalam soal pergolakan siasah yang mengancham negara kita ini di-selesaikan dengan baik dan jitu ia-itu dengan chara mengadakan satu Kerajaan rojak, maka saya memikirkan bahawa Kerajaan Perikatan dengan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dengan Menteri<sup>2</sup>-nya yang bijaksana dan mempunyai pengikut<sup>2</sup> yang tabah dan berani, tidak akan terpedaya dan tidak akan bagitu bodoh sa-kali mahu melepaskan diri dari mulut harimau masok ka-rahang buaya, mudah<sup>2</sup>an semangat keimanan daripada tokoh<sup>2</sup> dan panglima<sup>2</sup> Perikatan ini kekal abadi bagi memperjuangkan keselamatan negara biar dengan tidak ada orang<sup>2</sup> yang saperti Yang Berhormat daripada Kelantan sa-kali pun, sa-kian (*Tepok*).

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, it is scarcely necessary for me to say that I support this Bill fully, like all other Members of the Senate.

However, I would like to take this opportunity to make a few observation on the statements made by the lone Opposition Member of this House.

He was complaining that the Government is apparently holding up information about Indonesian landings either by sea or by parachute. As the Minister of Information has just said, there are occasions when information must necessarily be withheld for security reasons. But it strikes me that the Opposition Member apparently has more information of any movements than the Government itself. That being so, or if that is so, and if he claims to be a loyal Member or a loyal citizen, I put it to him that it is his duty to tell the Government all that he knows.

The Opposition Member also suggested that the time has probably come for the Government, or for the Alliance Party, to form a coalition Government. As my Honourable friend has already stated, there is clearly no need now to form a coalition Government, more particularly as Opposition Parties in this country have really proved that they are unfit, unripe and unworthy of a place in our Government.

Some reference has been made once again to the need of settling our problems with Indonesia round a conference table. Sir, our Prime Minister and our Deputy Prime Minister have led delegations to most parts of Asia—to Bangkok, to Manila and to Tokyo—in an effort to come to some understanding with the Indonesians. The impression I get and the information which I received is that Soekarno merely wanted to hold those meetings in the various capitals of the East not so much to settle matters with us but to take the opportunity of meeting his girl friends. We have tried our best to settle this problem with Indonesia by peaceful means and we have no fear of anybody laying the blame at our door for not even trying to do so. Even in the United Nations—in the Security Council—the weight of world opinion was in our favour.

Some reference was made, Sir, by the Opposition Member to the opening of a Consulate of the Republic of China in Kuala Lumpur. As our Prime

Minister said in the Lower House, the purpose merely is to enable freer movement of people between the two countries. In any case, the Republic of China is strongly anti-Communists and so are we, and I think that in the circumstances facing the country all anti-Communist countries should get together; and for that reason I support fully the establishment of a Consulate of the Republic of China in Kuala Lumpur. The Opposition Member may not know that the entire free world recognised the Nationalist Government of China; the only people who do not recognise the Nationalist Government of China are Russia and the Russian satellite countries. The Opposition Member may not also know that in spite of the fact that we have no diplomatic relations with the Nationalist Government of China that country has assisted us, particularly in the field of agriculture, more than most other countries with whom we have diplomatic relations.

Finally, Sir, I think there is no case whatsoever for the inclusion of Opposition Parties in our Government as it stands today. A coalition government need only be formed when the Government in power feels that it cannot command the respect of the entire population. This, I say—and I say it most emphatically—is not the case with our Alliance Government. We have won the elections with an overwhelming majority, we have the wholehearted support of the people, and we feel confident of solving our problems with Indonesia without the assistance of Opposition Parties. In fact, I think, the inclusion of Opposition Members in the Government will be more a hindrance than a help. *(Applause)*.

**Wan Ahmad bin Wan Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill yang kita bahaskan sekarang ini dengan sebab wang yang di-pinta itu bukan tetap tetapi kerana hendak buat belanja berkenaan dengan perkara yang di-pinta ia-itu Pertahanan, chuma hendak sediakan sahaja bila mustahak dengan senang kita boleh ambil wang itu guna bagi mempertahankan negara kita.

Yang Berhormat daripada Kelantan, Enche' Amaludin bin Darus, jika kita perhatikan tiap<sup>2</sup> kali dia bangkit berchakap, chuma palsu sahaja kerana dia kata "saya menyokong" . . . .

**Mr President:** Jangan-lah menggunakan perkataan yang tidak begitu baik (*Ketawa*). Perkataan palsu itu.

**Wan Ahmad bin Wan Daud:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi lepas dia kata "saya menyokong" yang saya hairan dia kata pula "tetapi" atau "saya kesal". Jika kita semua ambil fikiran sa-kali sa-kala perkataan "menyokong" itu di-gunakan dengan tidak ada sedikit niat kata menyokong, yang betulnya dia membangkang bukan dia menyokong. Tetapi saya hairan fasal apa dia kata "saya menyokong" tiba<sup>2</sup> dia tidak sokong, dia membangkang dan mengeji pula Kerajaan kita.

Saya mengharga tinggi di-atas pendapat Yang Berhormat Enche' Senu bin Abdul Rahman. Beliau berkata, ucapan daripada Kelantan tadi satu senjata yang baik sangat bagi Indonesia. Saya fikir pun sunggoh<sup>2</sup> begitu. Kemudian Enche' Amaludin berkata Kerajaan kita tidak tahu memerintah negeri dan dia minta-lah di-adakan satu Kerajaan national yang termasuk Parti PAS bersama memerintah negeri ini menjadikan Kerajaan di-dalam masa dharurat ini. Takkan-lah Kerajaan kita tidak elok, tetapi Kerajaan kita tidak begitu bodoh hendak memerintah termasuk pembangkang sama hendak di-jadikan sa-buah Kerajaan. Kalau kita turut kehendak-nya itu berma'ana kita ambil musoh besar simpan di-dalam selimut kerana jikalau Kerajaan kita buat kerja bagus bagaimana pun bagus-nya dia akan berkata dengan sebab Parti-nya tolong beri nasihat bekerja. Tetapi tiap<sup>2</sup> minit, saya perchaya, dia bekerja hendak menjahanam atau menghapuskan Kerajaan kita dan mendirikan Kerajaan mereka. Sebab itu-lah saya sokong dengan kuat supaya Bill ini di-luluskan dengan tiada apa<sup>2</sup> pindaan. Dia kata Kerajaan tidak cheritakan apa<sup>2</sup> yang betul yang terjadi kepada ra'ayat. Saya nampak Kerajaan mana pun dia mesti jaga keselamatan dan keamanan negeri-nya. Dia cherita semua dengan betul tetapi ada kala<sup>2</sup>-

nya cherita<sup>2</sup> itu dia tahan sa-bentar dengan sebab keselamatan negeri dan ra'ayat sekalian.

Itu-lah sahaja, terima kaseh.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

*Clauses 1 and 2* ordered to stand part of the Bill.

*Preamble* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment; read the third time and passed.

## THE CUSTOMS (AMENDMENT No. 2) BILL

### Second Reading

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Customs Ordinance, 1952" be read a second time.

**Dato' Y. T. Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Enche' Tan Siew Sin:** Mr President, Sir, the purpose of this Bill is to enable the Minister of Finance to impose a duty on motor vehicle tyres and tubes imported into Penang, that is, Penang Island should he consider this desirable at any time. I wish to emphasise that the amendment will enable the Government to impose a duty only on these particular classes of goods, and if any further items are to be made dutiable in Penang, further amending legislation must be presented to Parliament.

As a result of the imposition of a protective duty on motor vehicle tyres and tubes to promote the domestic manufacture of these goods, the problem of smuggling from Penang Island into the Principal Customs Area has become increasingly acute. The task of preventing the smuggling of motor vehicle tyres and tubes is unusually

difficult as car owners can evade the payment of duty by fixing the tyres and tubes to their vehicles, and any system of checking by Customs to prevent this would cause serious traffic delays at Butterworth.

Since the protective duty was raised to the present levels in the Principal Customs Area substantial stocks of these goods have been accumulated on Penang Island, the amounts involved being far in excess of those required to meet the demands of the Island itself. It is clear that the main purpose of such stocks is to meet demands of motor vehicle owners from the mainland. The Tariff Advisory Board has expressed the view that these stocks could damage the proposed common market for these classes of goods, and has recommended the imposition of quantitative restrictions on imports of these goods into Penang. The advice of the Board has been accepted by Government and restrictions on imports were imposed with effect from 24th October, 1964.

In the interests of domestic manufacturers of tyres and tubes and of Government revenue, it is essential that the smuggling of tyres into the Principal Customs Area at Butterworth should be prevented. This could be achieved by the permanent imposition of rigid restrictions on imports into Penang Island. Such restrictions on a permanent basis are undesirable. I am satisfied therefore that the only effective long term solution to this problem is to impose import duties on motor vehicle tyres and tubes imported into Penang Island. I do not consider that this measure need have an adverse effect on traders on Penang Island. The volume of the entrepot trade in these classes of goods is very small at the present time, and facilities will be provided for the bonding of these goods so as to avoid damaging the existing trade.

Honourable Members will note that the Bill will not come into force until such time as is determined by the Minister of Finance. The purpose of this provision is to enable the Government to delay the imposition of import duties in Penang Island on motor

vehicle tyres and tubes until such time as he is satisfied that existing stocks have been reduced to more reasonable levels, as once the duty is imposed in respect of imports into Penang Island, it would be wrong to continue any restrictions on the freedom of traders to move such goods from Penang Island into the Principal Customs Area.

The provisions of this Bill have been discussed with the Chief Minister of Penang, who is in agreement with the purpose of the Bill though he suggested that no import duty should be imposed on imports of bicycle tyres and tubes, and Honourable Members will notice that Clause 2 of the Bill has been drafted to exclude such goods from its scope.

As stated in my opening remarks, the Bill now being considered by this House does not permit the imposition of duty in Penang on any other class of goods except motor vehicle tyres and tubes. Nevertheless, I take this opportunity of asking representatives in Penang to reconsider the question of Penang Island's entry into the Malaysian common market. A large part of the Island's entrepot trade has been lost and it is doubtful whether this trade will ever be regained. In the circumstances, neither the entrepot trade nor tourism is likely to provide satisfactory employment opportunities for the growing population of Penang and the best hope for expanded employment opportunities lies in a programme of industrialisation. The Central Government and Federal statutory bodies are undertaking substantial development of the economic infrastructure of Penang, to wit, the construction of a permanent road bridge over the Prai river, the creation of a modern port on the mainland at Bagan Luar, the extension of Malayan Railway to Butterworth and the development of a 60 MW power station at Prai by the Central Electricity Board. These investments provide the essential framework for industrial development in the Butterworth area, and I am confident that substantial development will take place there, particularly if the market of Penang Island were made available to domestic manufacturers by its inclusion within

the Malaysian common market. Such industrial development would provide many more jobs for those living on Penang Island. The existing ferry service between the Island and Butterworth is excellent and the distance from Georgetown and Butterworth is no greater than that from Setapak to Petaling Jaya.

Time is not on the side of Penang Island in this matter. Industry attracts industry and unless Penang enters into the main stream of industrial development, she could well find that she has missed the boat, as once industrial development takes place in other parts of Malaysia, Penang may never be able to recover lost ground.

Tourism must be encouraged in Penang and those items which are of particular value to the promotion of the tourist industry such as cameras, watches and cosmetics can be excluded from the common market in so far as Penang is concerned, so that a decision to come into the common market need not involve the destruction of Penang's tourist industry. I am satisfied that such a consummation will provide the best means for Penang to overcome its employment problems, particularly when such a large part of its entrepot trade is lost, and I recommend that the representatives and people of Penang reconsider this question as a matter of urgency. (*Applause*).

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Sir, I remember last year, in another House, the Minister of Finance promised that Penang would be allowed five years within which to consider whether or not it should come into the common market. By that I believe that no further taxation will be imposed on articles coming into Penang, but I do not know whether it is right for us to say one thing and do another. As far as tyres are concerned, I wonder whether we are going to impose duty on locally-made tyres. I think it would be most appropriate if tyres manufactured outside Malaya have to pay duty, but I do not think it right that locally-manufactured tyres should also pay duty in Penang. Whether the Penang people accept it or not, I do not know.

**Enche' Tan Siew Sin:** Mr President, Sir, I think I would save the Honourable Member speaking further, if I were to tell him that this Bill does not provide for the imposition of excise on motor vehicle tyres and tubes manufactured in Malaysia. This is a Bill to provide for the imposition of duty on imported motor vehicle tyres and tubes. I am afraid the Honourable Member has got this Bill all wrong. (*Laughter*).

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Mr President, Sir, I wish to beg the pardon of our Finance Minister, but nevertheless I wish to say that if it was promised that Penang should have five years in which to consider whether or not it should come into the common market, I think we should keep our promise and not impose any duty on tyres coming into Penang.

**Enche' Lim Hee Hong:** Mr President, Sir, I rise to support this Bill. I would like to know from the Minister of Finance, why is it that only Penang is included and not Singapore. As far as I know, import duty is under the jurisdiction of the Central Government.

**Enche' Tan Siew Sin:** Mr President, Sir, the question of imposing a duty on motor vehicle tyres and tubes imported into Singapore will have to be considered in conjunction with the inclusion of such goods in the Malaysian common market. As Honourable Members of this House are probably aware, there are, or there will be, tyre factories opening in Singapore in the not very distant future, and the Tariff Advisory Board in its current series of inquiries has this item under inquiry. The Government, therefore, does not think it appropriate to include Singapore within the terms of this Bill for the time being.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

*Clauses 1 and 2—*

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Mr President, Sir, I would like to speak on the Explanatory Statement in regard to tubes imported into Penang. In the Federation the tubes could be imported into Penang. May I seek clarification on what type of tubes are imported into Penang? If they are manufactured in Malaysia, they could be imported into Penang, too. I want clarification on the meaning of the word "import".

**Enche' Tan Siew Sin:** Mr President, Sir, these imports apply to overseas imports.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** But if you say "overseas import", Penang is separated by a channel and, so, if they go into Penang, they are imported into Penang too.

**Enche' Tan Siew Sin:** These duties, Sir, are imposed on motor vehicle tyres and tubes. That will mean that for the purpose of such goods, Penang will be regarded as part of the Principal Customs Area and it will, therefore, follow that motor vehicle tyres and tubes manufactured in the Principal Customs Area will not be dutiable when moving into Penang.

Question put, and agreed to.

*Clauses 1 and 2* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

**Mr President:** Meshuarat ini di-tangguhkan sa-hingga 2.15 petang ini.

*Sitting suspended at 1.00 p.m.*

*Sitting resumed at 2.15 p.m.*

(Mr President *in the Chair*)

## BILLS

### THE TOLLS (ROADS AND BRIDGES) BILL

#### Second Reading

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to provide for the payment of tolls

for the use of certain roads and bridges" be read a second time.

Sir, this Bill seeks to empower the Minister of Works, Posts and Telecommunications by order to impose tolls on vehicles using Federal roads or bridges for the purpose of recovering in whole or in part the capital cost of constructing such roads or bridges. Any such order may specify the vehicles or classes thereof in respect of which tolls are payable, the vehicles which are to be exempted from the payment of tolls, the places at which and the authorised persons to whom the tolls are to be paid.

Clause 3 of the Bill provides that a barrier may be erected across the road at the place where tolls are to be collected. Such a barrier may be kept closed against any vehicle until the toll due in respect of such vehicle has been paid. Contravention of the provisions of any order made by the Minister is punishable with a fine not exceeding fifty dollars.

**Dato' Y. T. Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, di-hadapan kita ini ia-lah satu Rang Undang<sup>2</sup> berkenaan dengan mengenakan bayaran kepada jalan raya dan jambatan<sup>2</sup>. Daripada apa yang kita faham, tentu-lah tidak semua-nya jambatan<sup>2</sup> dan jalan raya yang di-bena oleh Kerajaan Persekutuan akan di-kenakan bayaran<sup>2</sup>; sa-kira-nya ada driver<sup>2</sup> mengelak boleh di-denda sampai \$50.

Soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, tidak shak lagi dengan ada-nya Undang<sup>2</sup> ini akan memberi kesusahan kepada ra'ayat. Saya katakan memberi kesusahan kepada ra'ayat, sebab walau bagaimana kecil sa-kali pun yang akan di-kenakan oleh Kerajaan, saya tidak tahu berapa banyak yang kecil atau yang besar itu sebab dalam Bill ini tidak menyebutkan berapa yang akan di-kenakan kepada pengangkutan<sup>2</sup> yang lalu, dan tentang lori<sup>2</sup> yang mengangkut barang, lori yang tidak ada barang, kereta<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya. Tetapi bagaimana sa-kali pun ini mengenai kehidupan ra'ayat. Barang<sup>2</sup>

dalam negeri ini, semenjak kita merdeka, lebeh banyak di-angkut dengan lori daripada keretapi dengan sebab itu-lah akibat-nya pehak keretapi banyak kali menderita kerugian. Dan kerana itu ahli<sup>2</sup> perniagaan akan menjadikan ini satu sebab bagi menaikkan harga barang kerana belanja pengangkutan itu berat. Pembahagi<sup>2</sup> barang akan mengenakan bayaran belanja pengangkutan yang bertambah kerana membayar hasil<sup>2</sup> jalan dan jambatan kepada retailer<sup>2</sup> atau pun penjual<sup>2</sup> runcit dan akibat-nya ra'ayat membeli barang<sup>2</sup> itu yang menanggung bayaran itu semua sa-kali.

Mithal-nya, satu botol susu saperti yang ada sekarang ini, belum lagi adanya Bill ini, satu botol susu Magnolia keluaran Cold Storage di-Kuala Lumpur 30 sen tetapi di-Kota Bharu 40 sen. Bila kita bertanya kepada kedai, mengapa dia jual 40 sen, jawab-nya kerana perbelanjaan pengangkutan di-tekan oleh sharikat ini kepada penjual<sup>2</sup> runcit di-Kota Bharu, jadi harga-nya 40 sen. Jadi ra'ayat di-Kota Bharu yang ingin minum susu membayar 10 sen lagi bukan kerana harga susu, tetapi belanja transport dan ini-lah satu contoh yang, bila Bill ini di-luluskan, sudah tentu-lah kesempatan ini digunakan oleh golongan<sup>2</sup> perniagaan bagi menaikkan harga<sup>2</sup> barang, sedangkan ini baharu sahaja Yang Berhormat Menteri Kewangan mengishtiharkan kenaikan chukai<sup>2</sup> dengan jaminan harga barang<sup>2</sup> tidak naik tetapi barang<sup>2</sup> lain telah pun naik satu demi satu, akibat-nya di-tanggung oleh ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan mengapa Kerajaan Persekutuan memandang ini satu chara untuk menutup kekurangan kewangan kita dengan mengenakan chukai kepada sa-tengah<sup>2</sup> jambatan dan sa-tengah<sup>2</sup> jalan raya dengan tidak menentukan pula untuk berapa lama, 5 tahun, 10 tahun atau 15 tahun, umpama-nya. Jadi saya bimbang sa-kali bila kita kenakan chukai ini, orang<sup>2</sup> perniagaan mengambil kesempatan menaikkan harga barang<sup>2</sup>-nya. Kalau sudah naik hendak turun payah, yang menanggung-nya ia-lah ra'ayat. Sebab itu, kalau boleh, Kerajaan harus menentukan berapa lama Undang<sup>2</sup> ini akan di-jalankan

kuat-kuasa-nya, ada-kah sa-lama ada dharurat atau sa-lama ada konfrantasi, kerana kita berhajat kepada wang atau hendak pakai sa-lama<sup>2</sup>-nya kerana Kerajaan terlalu banyak berhutang kerana membangunkan negeri ini. Ini semua harus-lah di-beri jaminan dan Kerajaan harus mengadakan Undang<sup>2</sup> lain dengan benar<sup>2</sup> supaya terjamin orang<sup>2</sup> tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang<sup>2</sup> yang akan menyebabkan penambahan penderitaan kepada ra'ayat di-kampong<sup>2</sup>, khusus-nya orang<sup>2</sup> Melayu, yang menderita sangat hidup-nya di-kampong<sup>2</sup>, yang pendapatannya hanya \$25-\$30 sa-bulan pukul rata.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menentang Bill ini, sebab sudah menjadi sikap PAS, Dewan Ra'ayat pun tidak menentang, tetapi saya mengingatkan bahawa sa-suatu yang di-buat oleh Kerajaan harus-lah ada batasan, tetapi Kerajaan tidak menyebutkan berapa lama Undang<sup>2</sup> ini hendak di-kenakan, kalau menegenakan perbelanjaan kepada jambatan dan kalau oleh Kerajaan Negeri, tidak-lah berapa memeranjatkan, kerana Kerajaan mungkin kerana kekurangan wang, terpaksa-lah mengadakan toll bagi sa-buah jambatan saperti yang kita chadangkan di-Kelantan, Jambatan Sungai Kelantan kerana toll itu pun di-hadkan sakan tahun. Jadi Persekutuan Tanah Melayu dalam amalan-nya, belum biasa, tiba<sup>2</sup> sekarang kita kenakan chukai. Jadi ini satu perkara yang memeranjatkan, sebab saya kkuatir kalau Kerajaan menjalankan tidak dengan mengadakan satu jaminan akan mendatangkan penderitaan kepada ra'ayat dari kenaikan harga dan dari sudut lain.

Dalam lawatan saya ka-Utara Tanah Melayu beberapa hari yang lalu, saya dengar khabar, ada orang<sup>2</sup>, ahli<sup>2</sup> perniagaan di-sabelah sana, yang chuba akan membangkitkan sa-suatu penentangan terhadap dasar Kerajaan mengenai chukai khas bagi jalan raya dan jambatan<sup>2</sup> ini. Dan ini tentu daripada Sharikat<sup>2</sup> Pengangkutan atau Sharikat<sup>2</sup> lain yang menggunakan pengangkutan dalam mengangkut barang<sup>2</sup>-nya di-dalam negeri ini.

Kita, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, tidak menentang, kita mahu Kerajaan memberi jaminan, sampai berapa tahun akan di-jalankan ini dan kita tidak mahu Undang<sup>2</sup> ini akan berjalan dalam waktu yang tidak tentu masa sa-hingga di-kesalkan, untok 10 atau 15 tahun daripada sekarang ini. Kita mahu jaminan itu supaya ra'ayat dapat di-tenangkan. Saya tidak mahu ra'ayat susah dan saya tidak mahu juga ada gulongan membuat kachau dalam negeri ini, yang kachau-nya itu boleh menyebabkan di-jadikan satu alasan bagi mengachau urusan politik sekarang ini, dan ahli<sup>2</sup> perniagaan memang boleh mengambil kesempatan untok menimbulkan sa-suatu dari segi ekonomi bagi kepentingan politik yang lain pula. Jadi kalau kita mahu membuat sa-suatu, harus di-perhitungkan sa-suatu supaya jangan timbul apa<sup>2</sup> yang tidak di-ingini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya berchakap ini, saya berchakap dengan ikhlas, kerana ini memelihara wujudnya kebaikan di-dalam negara kita ini. Maka saya memberi sokongan dan tidak menentang Bill ini, tetapi dengan memberi peringatan kepada Kerajaan, bahawa Kerajaan haruslah mengishtiharkan sa-rendah<sup>2</sup> bayaran dan mengishtiharkan pula masa yang akan di-tamatkan tempoh mengenakan bayaran khas ini, kerana orang<sup>2</sup> yang mempunyai kereta, yang mempunyai kenderaan, membayar Road Tax, membayar cukai kereta-nya, cukai jalan dan tidak patut di-kenakan satu cukai tambahan khas lagi yang seperti ini. Sekian.

**Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang<sup>2</sup> yang dihadapan Majlis ini pada dasar-nya berasaskan atas suatu perkara yang bukan luar biasa. Sebab saya kata bukan luar biasa, kita, sa-tengah daripada Ahli Yang Berhormat di-sini, sudah melawat ka-Amerika atau pun tempat lain, ada biasa tempat<sup>2</sup> itu di-kenakan cukai bagi kereta<sup>2</sup> melalui jalan<sup>2</sup> besar atau pun jambatan<sup>2</sup> dengan sebab Kerajaan<sup>2</sup> di-situ berfikir, mendirikan jambatan atau membuat jalan yang molek, yang besar

itu, berkehendakkan belanja yang besar yang patut di-kenakan kepada kereta<sup>2</sup> yang lalu-lintas di-situ. Dan saya kata perkara tidak luar biasa, dahulu sa-belum perang pun ada kita, di-Tanah Melayu ini, satu jambatan yang bergelar "Iskandar Bridge", yang Kerajaan masa itu mengenakan bayaran bagi kereta<sup>2</sup> yang lalu-lintas di-situ. Jadi ini bukan-lah satu perkara yang baharu bahkan ini satu perkara yang biasa di-buat banyak dalam negeri<sup>2</sup> lain yang rasa saya patut. Pada masa ini dalam keadaan masa Kerajaan hendak menchari wang sa-bagai penggunaan yang mustahak, patut-lah atau sampai-lah masa-nya pula yang Kerajaan berfikir pada membuat jalan<sup>2</sup> supaya di-adakan chukai khas itu sa-bagai hendak mengembalikan perbelanjaan yang di-kenakan kerana membuat jalan<sup>2</sup> atau pun jambatan<sup>2</sup> itu.

Saya tertarek hati juga tadi kepada Yang Berhormat berkenaan dengan jaminan yang di-katakan-nya itu tadi yang patut di-dapati daripada Kerajaan, jaminan-nya, sama ada hendak di-kenakan chukai ini sa-lama<sup>2</sup>-nya atau pun sampai satu masa di-berhentikan. Dia tadi menyebutkan patut Kerajaan memberi jaminan supaya di-adakan sekian tahun baharu-lah chukai itu di-berhentikan. Saya pula meminta jaminan daripada Kerajaan, oleh sebab bila di-bacha pada tujuan di-dalam Bill ini, ada menyebutkan, tujuan Kerajaan mengadakan Rang Undang<sup>2</sup> ini supaya mengembalikan sama ada semua-nya atau separoh daripada belanja membuat jalan<sup>2</sup> itu atau pun mendirikan jambatan<sup>2</sup> itu, jadi saya tidak-lah hendak mengikut bagaimana saudara saya berkehendakkan jaminan dengan tempoh masa. Saya meminta jaminan daripada Kerajaan ia-itu asalkan Kerajaan sudah dapat balek wang yang di-belanjakan atas jambatan itu atau pun jalan itu, di-berhentikan-lah chukai yang di-kenakan di-atas kereta<sup>2</sup> yang lalu-lintas di-situ. Saya harap dapat perhatian ini daripada pehak Kerajaan. Demikian-lah.

**Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang<sup>2</sup>

ini pada dasar-nya. Pada mula<sup>2</sup> tadi saya tidak hendak berchakap mengu-chapkan apa<sup>2</sup> benda, tetapi oleh sebab Yang Berhormat, yang duduk sa-belah saya ini, telah memberikan sedikit ulasan, maka pada perhatian saya, patut-lah saya memberi sedikit ulasan pula di-dalam Undang<sup>2</sup> ini.

Ada-lah pada fahaman saya per-belanjaan membuat jalan raya ini amat mahal-nya. Saya dapati ia-itu P.W.D. membelanjakan hendak mem-buat jalan raya, ta' usahkan banyak, tiga suku batu sahaja kena sampai \$20,000-\$30,000. Jadi jika sa-kira-nya tidak di-ambil toll pada orang meng-gunakan jalan raya ini, neschaya Kerajaan menanggung sa-lama<sup>2</sup> ke-rugian sahaja. Di-sini saya memberi suatu alasan yang pendek yang telah terjadi di-Johor pada Kampong Majidi.

Yang Berhormat Dato' pun tahu kampong itu. Sa-belah kampong itu ada satu jalan nama-nya Jalan Bakar Batu. Hendak pergi ka-Bakar Batu hendak-lah kita ikut jalan Pasir Pelangi, dan Jalan Bakar Batu ini telah di-buat oleh P.W.D., tetapi jalan itu teramat-lah rosak oleh sebab sa-belah Kampong Majidi itu ada orang mengambil pasir<sup>2</sup>, ada dua tiga orang, lesen 'C' nama-nya. Dan oleh sebab dia mengangkat pasir lorry-nya itu amat berat-nya hingga jalan kampong itu menjadi rosak, tidak boleh di-pakai sama sa-kali. Tetapi saya kemukakan perkara ini pada meshuarat Ranchangan Luar Bandar, yang saya menjadi satu daripada Ahli Meshua-rat-nya. Jawab Tuan Pengerusi-nya tidak ada kuasa dalam Undang<sup>2</sup>. Yang demikian itu-lah saya fikir Undang<sup>2</sup> seperti ini patut, bukan-nya di-Federation sahaja kerana di-federal roads dan federal bridges, tetapi saya harap juga surat khabar boleh memasokkan perchakapan saya ini supaya biar-lah State Johore itu mengadakan satu Undang<sup>2</sup> Tolls di-atas jalan<sup>2</sup> raya dan juga jambatan<sup>2</sup> bagi kesenangan orang<sup>2</sup> kampong. Yang Berhormat Dato', saya me-nyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini.

**Enche' Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pada dasar-nya terhadap

Rang Undang<sup>2</sup> Tolls ini. Saperti kata Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Noah tadi, bahawa Tolls Tax ini bukan-lah perkara baharu sebab sa-belum perang pun telah di-adakan kutipan di-negeri Perak ia-itu di-Iskandar Bridge, dan juga sekarang ini di-mana<sup>2</sup> negeri dalam dunia pun kita dapati ada lagi mengutip tolls saperti di-Amerika dan juga di-Jepun. Tahun sudah, saya telah pergi ka-New Zealand, demikian juga saya dapati ada di-kutip tolls atas jambatan yang di-buat baharu. Apabila saya bertanya kenapa Kerajaan mengutip ini, jawab orang<sup>2</sup> di-situ, kata-nya ini-lah satu jalan boleh menolong Kerajaan dari-pada satu bebanan yang besar untuk mengeluarkan duit membuat titi. Maka dengan kerana itu, saya pun sangat seronok-lah dan saya shorkan bahawa patut-lah kita semua bersetuju dengan Undang<sup>2</sup> mengutip tolls bagi jambatan<sup>2</sup>.

Tetapi satu sahaja saya tidak ber-setuju, saya kurang bersetuju di-kutip bagi jalan raya. Saya fikir memada-i-lah di-kutip bagi jambatan sahaja. Dan juga saya suka-lah menyebutkan di-sini kepada Menteri yang bertang-gong-jawab, bagi jambatan yang hendak di-kutip tolls itu jangan-lah di-kutip kesemua jambatan sa-kali, kena-lah di-specifiedkan jambatan mana yang patut di-kutip tolls. Jambatan<sup>2</sup> kecil saperti jambatan Sungai Patani ini di-tempat saya 30-40 kaki panjang-nya apa-kah ini hendak di-kutip. Patut-lah di-kutip jambatan yang besar<sup>2</sup> macham jambatan Cause-way atau jambatan Temerloh atau jambatan yang hendak di-buat di-sungai Muar dan Batu Pahat itu.

Kita dengar dua orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ia-itu yang pertama Enche' Amaluddin, bertanya kepada Menteri, dia mahu tahu sampai lama mana tolls ini hendak di-kutip. Dan juga Yang Ber-hormat Dato' Haji Mohamed Noah kata, dia pun minta kalau boleh tolls ini di-kutip sampai chukup wang harga benaan jambatan itu kemudian di-rentikan, sa-takat itu sahaja.

Saya pula hendak buat satu shor ia-itu shor Yang Berhormat Enche' Amaluddin itu boleh-lah Menteri

tetapkan dari satu masa ka-satu masa, kata-lah tolls ini di-kutip sampai 5 tahun, bila chukup 5 tahun di-kaji sa-mula. Dan kalau sa-kira-nya duit di-kehendaki lagi, maka boleh-lah di-buat sa-lama 5 tahun pula. Dan tujuan saya ini, duit yang di-kutip itu kalau di-kutip daripada jambatan, saya minta-lah duit itu di-gunakan lagi masa hadapan untuk membuat jambatan baharu sahaja, jangan-lah untuk kerja<sup>2</sup> lain. Saya nampak banyak dalam Malaysia ini negeri<sup>2</sup> memang sudah ada banyak jambatan<sup>2</sup>, tetapi saya telah pergi ka-Sabah dan Sarawak, dukachita sangat-lah, di-Sarawak itu terlampau banyak tempat yang tidak ada jambatan<sup>2</sup> dan jalan<sup>2</sup> raya, demikian juga di-Sabah. Jadi kalau duit ini banyak di-kutip saya harap-lah kapada Kerajaan Persekutuan boleh-lah kita menolong untuk memberi duit kapada Sabah dan Sarawak untuk membuat jambatan baharu kerana menolong adek beradek kita di-sana. Kerana orang Sabah dan Sarawak sudah jadi orang kita dalam Malaysia. kena-lah kita tolong di-mana kekurangan<sup>2</sup> mereka itu. Sunggoh pun mengikut Undang<sup>2</sup>, jambatan yang hendak di-kutip itu hanya-lah terhad kapada Malaya sahaja, saya harap jangan-lah kita ingat bagi Malaya sahaja, tetapi tolong-lah kapada saudara<sup>2</sup> kita di-Sarawak dan Sabah sana.

Satu lagi perkara tolls ini, oleh sebab saya minta ini ma'ana-nya kalau boleh, sa-lagi Kerajaan berasa duit itu di-kehendaki lagi untuk membuat jambatan baharu, sa-lama itu-lah Kerajaan mengutip tolls. Jadi ter-pulang-lah kapada Kerajaan sahaja untuk menetapkan berapa tahun yang patut, sa-kian-lah.

**Dato' J. E. S. Crawford:** Mr President, Sir, in rising to support the Bill, I have just one or two comments to make. One is that I think it should be confined to new projects, most definitely, and the other one is in respect of the Explanatory Statement which says:

“ . . . . by order to impose tolls on vehicles using Federal roads or bridges for the purpose of recovering in whole or in part the capital cost of construction of such roads or bridges . . . . ”

I trust, Sir, that an accurate account will be kept and, when all the money is recovered, they would not build two or three other bridges with that money, because it should only be for the bridge or road for which it is being levied.

**Tuan Syed Ahmad bin Syed Mahmud Shahabudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong di-atas dasar Bill yang mengenakan tolls kapada jalan<sup>2</sup> dan jambatan<sup>2</sup>. Saya rasa sampai-lah masa-nya pehak Kerajaan mengadakan chara<sup>2</sup> mengutip tolls dengan sebab di-negeri<sup>2</sup> yang lain, bagaimana kita telah dengar, ada chara<sup>2</sup> mengutip tolls. Saya rasa bukan sahaja Federal roads dan Federal bridges sahaja bahkan jalan<sup>2</sup> dan jambatan<sup>2</sup> yang di-bena oleh Kerajaan Negeri patut di-kutip.

Sa-lain daripada itu saya rasa jalan<sup>2</sup> atau jambatan<sup>2</sup> yang di-buat di-luar bandar pun patut di-kenakan tolls, sebab saya rasa penduduk<sup>2</sup> kampung sendiri suka di-adakan bayaran kapada jalan<sup>2</sup> yang mereka buat dengan gotong-royong—dengan tenaga mereka sendiri.

Sa-lain daripada itu, sebab Kerajaan pun ada Undang<sup>2</sup> yang mengenakan tolls itu, saya rasa telah sampai-lah masa-nya bagi Kerajaan mengadakan jambatan menyeberangi Pulau Pinang dengan Butterworth—Suspension Bridge, bagi menyeberangi Pulau Pinang ka-Butterworth. Dengan ini dapat-lah Kerajaan mengutip tolls atau bayaran bagi membayar belanja<sup>2</sup> itu. Saya rasa wang yang akan di-dapati daripada chukai pembayaran yang akan di-kutip ini boleh membiayai belanja bagi mengadakan jambatan menyeberangi Butterworth dengan Pulau Pinang.

**Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang ini meng-ucapkan berbilang<sup>2</sup> terima kaseh kapada Yang Berhormat<sup>2</sup> yang menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini. Di-samping itu saya suka-lah pula mengambil peluang ini menjawab sedikit sa-banyak tegoran, terutama sa-kali tegoran yang telah di-buat oleh Yang Berhormat daripada Kelantan, khas-nya Enche' Amaluddin. Beliau telah berchakap dalam Dewan ini di-atas Rang Undang<sup>2</sup>

ini sa-olah<sup>2</sup> chukai hendak di-kenakan kapada semua jalan<sup>2</sup> yang ada pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, . . .

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak katakan semua, tetapi sa-bahagian.

**Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman:** Yang sa-benar-nya tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah bagi mengenakan chukai kapada jalan<sup>2</sup> dan jambatan<sup>2</sup> Federal yang baharu di-bena, yang di-fikirkan perlu chukai<sup>2</sup> itu di-kutip. Memang dari sa-masa ka-samasa Kerajaan Persekutuan akan membuat banyak jambatan<sup>2</sup> dan jalan<sup>2</sup> raya, tetapi jika di-fikir tidak perlu chukai mengikut kuat kuasa Undang<sup>2</sup> ini di-kutip, maka chukai itu tidak-lah akan di-kutip.

Perkara hendak menentukan chukai ini, akan di-timbang dengan sa-halus<sup>2</sup>-nya dan dengan sa-dalam<sup>2</sup>-nya, dan manakala di-fikir perlu sahaja-lah baharu chukai itu di-kenakan dan bayaran-nya tentu-lah bayaran yang sangat<sup>2</sup> berpatutan.

Ada satu soalan lagi yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu dan juga oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Noah ia-itu berkenaan berapa lama chukai ini hendak dikenakan. Saya harap Yang Berhormat, dalam membacha Rang Undang<sup>2</sup> ini, telah pun menyemak dan membacha Explanatory Statement di-muka 2 Rang Undang<sup>2</sup> ini yang dengan terang-nya mengatakan, saya minta izin membachakan :

"to impose tolls on vehicles using Federal roads or bridges for the purpose of recovering in whole or in part the capital cost of constructing such roads or bridges".

Berma'ana chukai<sup>2</sup> ini akan di-kenakan untok mendapatkan balek perbelanjaan untok membena jambatan<sup>2</sup> atau pun jalan<sup>2</sup> raya yang di-bena.

Berkenaan dengan tegoran yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Tuan Syed Ahmad bin Syed Mahmud Shahabudin dan satu Yang Berhormat yang lain, ia-itu meminta supaya Undang<sup>2</sup> ini di-kuat kuasakan juga kapada jalan<sup>2</sup> raya yang di-buat oleh Kerajaan Negeri atau pun State roads,

terpulang-lah kapada Kerajaan Negeri masing<sup>2</sup>. Sekian sahaja.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

*Clauses 1 to 5* inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

## THE RAILWAY (AMENDMENT) BILL, 1964

### Second Reading

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Railway Ordinance, 1948" be read a second time.

Sir, this Bill is simple and straightforward. It seeks to give powers to the Malayan Railway Administration to borrow monies which may be required by the Administration for the performance of its duties and functions under the Railway Ordinance, 1948, either from the Government or from any other person.

Sir, I beg to move.

**Dato' Y. T. Lee:** Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

*Clauses 1 and 2* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

**THE ESTATE HOSPITAL  
ASSISTANTS (REGISTRATION)  
BILL**

**Second Reading**

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to provide for the registration of estate hospital assistants and probationer estate hospital assistants and for matters connected therewith" be read a second time.

**Dato' Y. T. Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**The Minister of Health (Enche' Bahaman bin Samsudin):** Mr President, Sir, this Bill is a straightforward one and will, among others, provide for the setting up of a Statutory Board which will maintain a register of estate hospital assistants and probationer estate hospital assistants, registrable under the Act, and for the passing of Regulations in respect of maintenance of the Register, training of estate hospital assistants, the conduct of examinations and the approval of training institutions.

Prior to 1954, Estate Dressers were eligible to sit for the Government Hospital Assistants Examination. However, after that year, when Government changed the system of training and examination for Government hospital assistants, the estate hospital assistants were precluded from sitting for these examinations because even under the old arrangement, when the Government Hospital Assistants Examination were in vogue, the position was not entirely satisfactory, as the duties of estate dressers differed from those hospital assistants and the said examinations were designed primarily for Government hospital assistants.

It is felt that with the setting up of a Statutory Board under the proposed Act, it would be possible for the standard of training for estate hospital assistants throughout the States of Malaya to be made more uniform. It would also ensure that estate hospital assistants after such training as may be prescribed under the Act, would be in a much better position to discharge their functions and responsibilities at

the Estate hospitals more efficiently and effectively.

I might also add here, Sir, that this Bill has been drawn up in close consultation with the Minister of Labour, the All-Malayan Estate Staff Union and the United Planting Association of Malaya.

**Enche' S. P. S. Nathan:** Mr President, Sir, I have pleasure in saying that I wholeheartedly support the Bill, and I wish to congratulate the Honourable Minister of Health on introducing it in the Dewan Ra'ayat and in this House today. In introducing the Bill, the Honourable Minister said that he hoped it would lead to more uniformity in the standards of training and, consequently, better service in the estate hospitals.

Furthermore, I have read in the newspapers that the Honourable Minister has also promised to visit estate hospitals in due time.

As you will, no doubt, remember, Sir, I have, on many occasions, suggested in this House that all estate hospitals should be taken over and run by the Government. When the Minister visits estate hospitals, I hope that he will get ample opportunities to understand why I have all through urged that estate hospitals should be taken over and run as Government institutions, or as quasi-Government institutions.

It is an admitted fact that estate workers are engaged in the primary industry of the country and produce the largest portion of the revenue of this country. It, therefore, goes without saying that the Government gets as big a revenue as rubber estate owners get huge profits as a result of the labour of these estate workers. In such circumstances, it is only natural for estate workers to expect the Government to provide them and their families with adequate medical facilities.

These estate hospitals were established during the colonial days, but it is many years now since the colonial regime has disappeared and this country obtained complete independence. In spite of these changes, estate

workers have still to look to their employers and estate companies for their medical needs and they are not satisfied with the half-hearted facilities provided by their employers.

It is a well-known fact that the standard of treatment, care and attention in estate hospitals is far below that of the Government hospitals, and it is for this reason that the plantation workers have been clamouring for the Government to take over the estate hospitals and run them as Government institutions.

Mr President, Sir, I know too well how much the Honourable Minister of Health is interested in the welfare of plantation workers. I know he has lot of sympathy for the workers. Therefore, when our Health Minister visits estate hospitals, I hope, he will make it a point to speak to the workers there, and find out their views and grievances, if any, and I am sure he will not fail to do what is needed to redress their grievances. Thank you, Sir.

**Dato' J. E. S. Crawford:** Mr President, Sir, in rising to support the Bill and to agree in main part with my Honourable friend, Enche' S. P. S. Nathan's remarks, we fully support his suggestion that the Government should take over all estate hospitals. It has been our cry, Sir, for so many years as to why should we be the only industry to provide hospitals, but apparently we are, Sir. So, we thoroughly support Mr S. P. S. Nathan, but I think he was slightly unkind about the treatment being generally below the Government hospitals—in some cases “yes”, Sir, but in many cases “no”, Sir. I would ask him to look at some of the big group hospitals and then go to Ipoh hospital and one or two others, and would ask him if he is still of the same mind, Sir. However, I strongly support the Bill and his remarks in general.

**Enche' Bahaman bin Samsudin:** Mr President, Sir, I thank the two Honourable Senators who spoke just now in support of this Bill.

Sir, it is true that I intend to visit the hospitals as soon as I find conve-

nient time. However, as you know, we are now busy with the Parliament meeting, after which the fasting month is coming. (*Laughter*).

Of course, it has been in my mind to consider the question of taking over the estate hospitals. But I would like to remind the Senators here that the question of taking over is not an easy one. As it is now, the problems in my hand are in respect of shortage of doctors and shortage of so many things. They are very big problems and serious ones too.

Thank you very much, again, for the support.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

*Clauses 1 to 11* inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

## THE EDUCATION (AMENDMENT) BILL

### Second Reading

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled “An Act to amend the Education Act, 1961” be read a second time.

Sir, with effect from the first day of January, 1965, the Government proposes to introduce a comprehensive education system whereby a child will be given primary education to be followed by a three-year period of lower secondary education. During the period of three years mentioned, the abilities and aptitudes of the child will be observed with a view to placing him in the appropriate upper secondary school where such abilities and aptitudes could be developed fully so that he may be able to make use of them to the fullest advantage. Clauses 2, 3 and 4 of this Bill amend the Education

Act, 1961, to enable this system to be carried out.

The Malaysian Secondary School Entrance Examination is to be abolished; and pupils wishing to continue their studies beyond the primary stage will, in future, proceed to lower secondary schools by way of automatic promotion and will only be required to sit for the Lower Certificate of Examination at the end of the three-year period in the lower secondary school. Clause 5 of the Bill accordingly amends section 120 of the Education Act, 1961.

Clause 6 of the Bill amends section 117 of the Act to provide that the Teachers' Provident Fund may be administered by a body corporate.

**Dato' Y. T. Lee:** Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Mr President:** Usul di-hadapan Majlis Meshuarat ini ia-lah ia-itu yang di-namakan "An Act to amend the Education Act, 1961" supaya di-bahathkan yang kedua kali-nya terbuka bagi di-bahathkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang<sup>2</sup> yang di-kemukakan ini ia-lah satu perkara baharu pada kita ia-itu bagi mewujudkan Comprehensive School. Dalam beberapa bulan yang lalu perkara Comprehensive School ini telah pun di-sebut<sup>2</sup> sa-bagai Sekolah Anika Jurusan. Saya faham terjemahan Anika Jurusan itu tidak tepat, tetapi saya pun tidak dapat pula hendak menamakan sa-suatu yang lebih tepat daripada itu, melainkan terserah-lah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka menchari istilah-nya.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, Comprehensive School ini bagus dan telah pernah di-jalankan permulaannya di-Russia oleh Kominis, kemudian menjalar ka-Amerika dan ka-Jepun dan bila kita hendak mengambil sistem ini, bagus, kerana sa-suatu yang baik itu kepunyaan semua, tidak milek sa-siapa.

Chuma ada satu soal, Kerajaan nampak-nya terburu<sup>2</sup> hendak mengadakan sekolah, yang di-katakan Anika

Jurusan ini, dalam masa yang singkat dan sekolah ini akan di-jalankan pada 1hb Januari, 1965. Saya katakan terburu<sup>2</sup> dan boleh jadi harus tidak sempurna seperti yang kita harap<sup>2</sup>kan, oleh kerana kita pun telah ada baharu<sup>2</sup> ini Sekolah Lanjutan Kampong. Sekolah Lanjutan Kampong itu juga dibuat dengan terburu<sup>2</sup>, dengan ucapan<sup>2</sup> yang sedap, konon-nya hendak menyelesaikan masalah anak<sup>2</sup> yang tidak dapat melanjutkan pelajaran tinggi dan akhir-nya Sekolah Lanjutan Kampong itu gagal dan bila di-minta tanggong-jawab daripada Menteri, apa-kah murid<sup>2</sup> yang keluar daripada Sekolah Lanjutan Kampong itu ada jaminan, tidak ada satu penegasan yang tepat, yang memberi jaminan bahawa murid<sup>2</sup> yang keluar daripada Sekolah Lanjutan Kampong akan di-beri tempat di-dalam sa-barang tempat yang boleh mendatangkan kehidupan bagi murid<sup>2</sup> yang keluar daripada sekolah itu. Dan sekarang ini bila kita nampak gagal Sekolah Lanjutan Kampong, Kerajaan mengubah chara-nya kepada apa yang di-katakan Sekolah Anika Jurusan. Saya mengharapkan Sekolah ini, berjaya tetapi harus-lah di-tegaskan betul<sup>2</sup> basic-nya, asas-nya.

Pada saya barangkali, saya ingat kalau tidak salah, masa saya sekolah Melayu di-Kedah dahulu, ada juga belajar bertanam sayor, belajar membuat bakul, tetapi tidak ada sa-orang pun, jangan katakan saya, kawan<sup>2</sup> saya yang hidup sekarang tidak nampak buat bakul atau tanam sayor. Jadi tidak memberi kesan kepada pelajar<sup>2</sup> kita seperti itu dan kita harapkan bila kita adakan ini, biar-lah dengan chara<sup>2</sup> yang boleh mendatangkan kesan dan ada pula jaminan pertolongan bagi membolehkan orang<sup>2</sup> itu dapat hidup dengan pengetahuan yang di-dapatinya sesuai dengan bakat masing<sup>2</sup>.

Saya mengatakan ini dengan harapan betul<sup>2</sup> kepada Kerajaan, sebab satu contoh yang boleh saya sebutkan, semenjak sa-belum perang, kita mempunyai Trade School atau Sekolah Pertukangan yang di-anjorkan oleh Kerajaan di-beberapa negeri. Trade School yang ada pada kita, pada 'am-nya, ada-lah anak<sup>2</sup> Melayu yang melanjutkan pelajaran-nya di-dalam

Trade<sup>2</sup> School yang di-adakan di-dalam negeri<sup>2</sup>, khusus-nya, Federated Malay States. Tetapi anak<sup>2</sup> ini di-beri latehan dalam sekolah pertukangan, bila dia keluar tidak ada satu peluang pun yang menjamin mendapatkan kerja melainkan ada-lah kebetulan, kalau dia dapat sa-suatu kerja, beberapa orang<sup>2</sup> sahaja akan di-terima oleh Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan sa-lain-nya ta' dapat. Orang<sup>2</sup> ini sa-patut-nya di-adakan Undang<sup>2</sup>.

Tiap<sup>2</sup> satu perusahaan di-dalam negeri mesti mengambil orang<sup>2</sup> yang hendak bekerja di-dalam tempat-nya, yang pertama, mesti-lah daripada orang<sup>2</sup> keluaran daripada sekolah<sup>2</sup> yang di-buat dan di-sediakan oleh Kerajaan. Kalau sa-kira-nya ini di-adakan, mithalan-nya pada masa yang lalu, tidak terdapat pada hari ini ada orang yang keluaran daripada Trade School bekerja kerani di-Pejabat Tanah. Dia keluaran sekolah pertukangan, tetapi kerja-nya jadi kerani. Ada di-dalam Malaysia sekarang ini. Dan ini tidak patut, dia keluaran daripada Trade School patut dia dapat jaminan bekerja di-dalam mana<sup>2</sup> juga tempat dengan chara mengenakan syarat kepada ahli<sup>2</sup> perniagaan, perusahaan supaya meng-ambil orang<sup>2</sup> yang mendapat certificate daripada Trade School, dapat masuk ka-situ. Sekarang ini orang tidak mahu kerana tidak ada Undang<sup>2</sup>. Jadi orang ambil budak umur 16 tahun, lateh dengan gaji murah, lama<sup>2</sup> dia pandai-lah boleh bekerja machinery dan sa-bagai-nya. Sedangkan keluaran Trade School yang di-anjorkan oleh Kerajaan terkapong<sup>2</sup> tidak dapat kerja, akhir-nya dia jadi kerani. Lain yang di-pelajar-nya, lain yang di-buat kerja sekarang.

Bagitu-lah juga, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harap Sekolah Anika Jurusan ini kita galakkan dan kita pupok sampai dia hidup memberi guna kepada kita, kerana orang<sup>2</sup> kita, sa-bagai ra'ayat negeri ini, tentu mempunyai bakat asal di-beri peluang dan latehan<sup>2</sup>. Tetapi jaminan dari Kerajaan dengan Undang<sup>2</sup> mesti-lah di-buat supaya saudagar<sup>2</sup> dan perusahaan<sup>2</sup> mengambil orang<sup>2</sup> yang ada certificate supaya orang<sup>2</sup> ini ada peluang untuk bekerja, kalau tidak keluar sekolah

pun sepak kertas, hayun sana, hayun sini, kerja tidak dapat juga. Jaminan ini mesti-lah di-buat oleh Kerajaan. Kalau tidak, apa sekolah dan apa jenis chorak-nya pun kita buat, tidak akan menguntungkan kepada kepentingan ra'ayat negeri ini. Sekian.

#### **Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini supaya dapat kita segera menjalankan Sekolah Anika Jurusan ini. Saya banyak dapat mengetahui dalam perkara hal per-sekolahan ini kerana di-Kelantan, saya memang telah buka satu sekolah, yang pada mula-nya saya buka kecil, kemudian di-perbesarkan dan, sambil itu, saya ada latehan<sup>2</sup> dalam perkara pertukangan dan sa-bagai-nya.

Tetapi satu masaalah yang besar, yang mengikut pengalaman saya sendiri, masaalah perasaan daripada murid yang tidak mahu bekerja itu susah, dia lebeh suka belajar ilmu<sup>2</sup> yang boleh jadi kerani, yang boleh jadi peon walau pun gaji \$50 \$60, \$70. Semangat ini semangat yang patut di-lateh supaya di-hapuskan perasaan<sup>2</sup> makan gaji ini. Saya tahu benar<sup>2</sup>, saya buka satu sekolah daripada murid yang tidak lulus sekolah dalam bahagian ilmu academic ini, pindahkan dia masuk kepada pertukangan, tukang kayu, tukang jahit dan berbagai<sup>2</sup> lagi.

Tetapi murid<sup>2</sup> ini belajar sa-kejap sahaja, apabila dia belajar sadikit<sup>2</sup> dan mari rasa jemu, dia ingat lambat dapat duit daripada pelajaran ini, dia keluar dan hendak jadi kerani dan lari-lah daripada sekolah ini. Jadi pada saya, bukan kata satu murid yang belajar dalam sekolah pertukangan atau pun belajar dalam Sekolah Anika Jurusan. Umpama-nya, kira-nya kita beri latehan kepada dia, beri kepan-dain kepada dia, dia keluar daripada sekolah itu, bukan dia mahu chari kerja, tetapi dia mahu makan gaji, sa-kurang<sup>2</sup>-nya makan gaji sa-bagai Instructor daripada ilmu yang dia ada. Jadi kalau tidak ada jawatan Instruc-tor, umpama-nya, dia mahu jadi kerani, dia mahu jadi peon, dia makan gaji. Ini-lah jiwa dia atau semangat dia. Jadi pada saya walau pun kita buka Sekolah Anika Jurusan, bukan

sekolah pertukangan atau pun buka sekolah apa pun, tetapi jiwa murid<sup>2</sup> itu patut di-asoh, di-bersehhkan daripada semangat makan gaji.

Saya tahu berapa banyak masa Yang Berhormat kata tadi, murid yang keluar daripada sekolah technical, sekolah trade school, dia keluar, dia pergi jadi kerani. Bukan kerana dia mahu jadi kerani—tidak—kerana dia tidak mahu kerja kotor macham menjadi pekerja di-dalam sa-suatu gudang perniagaan atau pun menjalankan kerja<sup>2</sup> menggunakan ilmu yang di-dapati daripada Sekolah Trade School. Kalau tidak dapat menjadi Instructor, baik jadi kerani. Kerana Instructor ada gaji tetap tiap<sup>2</sup> bulan bukan hendak buka kedai, hendak menjalankan kerja sendiri.

Jadi pada saya dalam sekolah ini mesti-lah kita membaiki jiwa anak kita lebeh dahulu. Membaiki jiwa ini-lah yang paling penting sa-kali, kalau kita tidak membaiki jiwa-nya ini-lah yang akan rosak. Sa-orang anak ahli perniagaan apabila masuk sekolah Inggeris dia hendak jadi loyar, hendak jadi kerani besar, M.C.S., perniagaan bapa-nya di-tinggalkan kerana jiwa murid itu tidak di-asoh mengikut chara yang baik. Jadi kita tidak boleh paksa murid itu, bila dia keluar mesti buat kerja ini, kita tidak boleh paksa melainkan kita ajar dia daripada sekolah lagi. Jadi kita harap Sekolah Aneka Jurusan yang hendak di-dirikan oleh Kerajaan ini hendaklah ada guru<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup> tahu membaiki jiwa murid<sup>2</sup>, bukan sahaja mengajar murid<sup>2</sup> ABC atau mengajar pelajaran kepada murid, tetapi mesti ada guru<sup>2</sup> yang terlately chara membaiki jiwa murid. Sebab jiwa murid kita pada hari ini, kalau tidak di-baiki nanti, makin lama makin rosak. Jadi murid<sup>2</sup> ingat hendak bekerja dan pakai kolar yang keras sahaja, dia tidak mahu jadi kuli, dia tidak mahu masuk perniagaan dan sa-bagai-nya.

Jadi Sekolah Aneka Jurusan yang di-susun oleh Kerajaan ini saya sokong dengan kuat dan kita latehkan murid<sup>2</sup> kita itu supaya mempunyai jiwa yang besar dan bukan memandang rendah kepada kerja<sup>2</sup> sa-umpama ini, tetapi sanggup bekerja dalam perniagaan,

sanggup bekerja dalam pertukangan, sanggup menjalankan apa juga jenis pekerjaan bagi kemajuan negeri kita, ini yang paling mustahak. Kita boleh buat Undang<sup>2</sup>, kita hendak adakan Undang<sup>2</sup> memaksa satu<sup>2</sup> sharikat mesti mengambil murid<sup>2</sup> daripada Sekolah Aneka Jurusan ini bekerja menjadi tukang umpama-nya. Kita adakan Undang<sup>2</sup> pun, Undang<sup>2</sup> tidak boleh jalan—fasal apa, murid<sup>2</sup> itu tidak mahu bekerja di-situ, dia mahu menchari kerja kerani, peon, walau gajinya kechil pun, tidak apa. Undang<sup>2</sup> tidak boleh berkesan, apa yang boleh di-buat ia-lah membaiki jiwa murid ini daripada kechil lagi.

Saya ada pengalaman benar dalam perkara ini kerana saya sendiri menguruskan satu sekolah private—bersendirian dan telah meluluskan murid<sup>2</sup>, di-keluarkan dengan sijil berpuluh<sup>2</sup> yang dapat sijil menjahit, umpama-nya. Mereka ini sudah pun bekerja dalam gudang<sup>2</sup> tukang jahit, mengambil upah bekerja, tetapi tidak banyak persen-nya, yang banyak mahu makan gaji, yang dapat sijil pun, bila kita hendak tempatkan dia dalam gudang perniagaan, dia tidak mahu, dia mahu makan gaji, dia mahu jadi guru menjahit, umpama-nya, menjadi instructor dalam sekolah menjahit, umpama-nya,, supaya dapat gaji tetap pada hal bekerja dalam gudang itu lebeh banyak pendapatan, tetapi jiwa dia tidak di-lately mengikut chara yang baik. Jadi itu-lah sebab-nya saya kata Sekolah Aneka Jurusan yang kita buat ini hendak-lah kita adakan guru<sup>2</sup> yang benar<sup>2</sup> terlately yang boleh membaiki jiwa murid<sup>2</sup> kita bagi masa hadapan itu sahaja. Sakian, terima kaseh.

**Che' Bibi Aisah binti Hamid Don:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tentang rancangan baik Kerajaan ia-itu di-dalam mengemukakan Bill yang meminda dasar pelajaran kita. Tujuan pehak Kerajaan kita sunggoh baik ia-itu di-dalam usaha Kerajaan kita mahu melihat tentang kemajuan<sup>2</sup>-nya.

Tetapi masaalah<sup>2</sup> yang timbul di-hadapan kita selalu-nya rancangan yang baik ini tidak dapat di-amalkan dengan sa-penoh-nya. Apa yang saya

rasa masalah ini patut kita atasi ia-lah tentang kemajuan dan kemampuan anak<sup>2</sup> kita, tidak peduli-lah sama ada anak<sup>2</sup> orang Melayu, anak<sup>2</sup> apa bangsa pun, tentang kemampuan yang saya sebutkan ini berkenaan dengan buku<sup>2</sup> pelajaran. Kalau-lah Kerajaan mengamalkan dasar kita mengadakan Comprehensive School atau pun Sekolah Aneka Jurusan, yang saya bimbang nanti sekolah pada tempat yang lain atau pun lain negeri, lain daerah-nya, lain pula buku pelajaran dalam sekolah-nya. Mithal-nya kalau-lah anak itu terpaksa berpindah daripada satu sekolah kepada sekolah yang lain, buku asal yang di-pakai di-sekolah itu tidak dapat di-gunakan. Ini ada-lah amalan sudah bertahun<sup>2</sup> kita alami kerana buku<sup>2</sup> di-sekolah sahaja daripada tingkatan rendah, mithal-nya, daripada kakak itu kalau hendak turunkan kepada adek-nya boleh di-katakan tiga suku buku<sup>2</sup> itu tidak dapat di-pakai, terpaksa membeli buku<sup>2</sup> yang lain. Ini ada-lah satu peluang yang telah di-gunakan oleh pehak penchitak<sup>2</sup> atau pun pengeluar<sup>2</sup> buku yang selalu mengamalkan dasar recommend buku<sup>2</sup> ini baik untuk sekolah itu dan sekolah<sup>2</sup> lain menggunakan dasar membeli buku<sup>2</sup>. Jadi, lama kelamaan, oleh kerana kita menukar<sup>2</sup> buku itu—belanja-nya ini, kalau pelajaran-nya sa-makin maju ta' apa-lah, tetapi masalah itu ia-itu kemampuan orang yang hendak membeli itu. Kapada orang yang mampu, ta' apa, tetapi sa-bahagian besar daripada penduduk<sup>2</sup> yang ada dalam tanah ayer kita ini terdiri daripada orang<sup>2</sup> yang kurang mampu.

Mithal-nya, dalam tempat saya; saya berani kata saya-lah selalu mengambil peranan yang penting dalam hal-ehwal menguruskan kerja<sup>2</sup> kebajikan yang mana terpaksa bagi penghujung tahun selalu kami belikan buku<sup>2</sup> dan beri kapada anak<sup>2</sup> yang malang sadikit—yang kurang mampu. Tetapi apabila habis tahun datang, permintaan<sup>2</sup> yang baharu pula, sayangnya buku<sup>2</sup> sekolah itu telah tidak dapat di-gunakan hanya bertimbun<sup>2</sup> ada buku<sup>2</sup> itu, ini-lah masalah-nya.

Saya rasa kalau pehak Kerajaan kita dapat mengadakan satu sistem

atau pun satu uniformity tentang buku<sup>2</sup> bacaan walau dalam Sekolah Aneka Jurusan pun pada satu<sup>2</sup> sekolah kita kena-lah mengadakan satu lembaga penapis kerkenaan dengan buku<sup>2</sup> pelajaran yang mana kita pandang baik atau pun maju dari satu masa ka-satu masa bagi kepentingan pelajaran anak<sup>2</sup> kita. Ini ada-lah masalah yang dapat di-atasi bagi mana<sup>2</sup> juga negeri yang inginkan kapada kemajuan dan bagi pehak saya, saya menyokong tentang dasar Kerajaan untok memberi peluang yang lebeh baik atas pelajaran anak<sup>2</sup> kita. Di-dalam soal mata pencharian-nya, ini ada-lah soal yang kedua, yang pertama kita hendak-lah mengamalkan dasar baik Kerajaan ini dan memandang kapada keperluan anak<sup>2</sup> kita mengamalkan bahagian<sup>2</sup>-nya. Sakian sahaja, Tuan Yang di-Pertua (*Tepok*).

**The Minister of Home Affairs and Minister of Justice (Dato' Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman):**

Tuan Yang di-Pertua, di-atas tegoran daripada Yang Berhormat Enche' Amaluddin ia-itu mengatakan yang Kerajaan dahulu bergopoh-gapah mewujudkan Sekolah Lanjutan dan sekarang terpaksa menukar jalan dan mengadakan pula Sekolah Aneka Jurusan atau pun Comprehensive School. Di-sini saya suka-lah menyatakan ia-itu atas menubuhkan Sekolah Lanjutan dahulu bukan-lah di-buat dengan gopoh-gapah, bahkan telah di-kaji dengan teliti oleh Education Committee dan memandang kapada keadaan pada masa itu, Sekolah Lanjutan itu memang-lah ada berpatutan. Tetapi bagaimana dunia tiap<sup>2</sup> kali beredar masa maka pada masa sekarang telah di-pandang—sudah sampai masa-nya di-adakan susunan baharu. Saya suka menyatakan Comprehensive School atau pun Sekolah Aneka Jurusan kerana di-fikirkan ia-itu satu daripada tegoran<sup>2</sup> atas Sekolah Lanjutan itu ia-itu murid<sup>2</sup> Sekolah Lanjutan itu di-asingkan daripada murid<sup>2</sup> di-dalam Academic School. Tetapi dengan ada-nya Comprehensive School ini atau Sekolah Aneka Jurusan ini, murid<sup>2</sup> itu tidak-lah di-pisahkan daripada Academic

School, dan chara ini-lah akan memberi faedah kepada murid<sup>2</sup> itu.

Dan lagi satu pula dalam Sekolah Aneka Jurusan ini di-beri peluang kepada murid<sup>2</sup> itu berbalek sa-mula kepada Academic School jika di-pandang yang murid<sup>2</sup> itu ada berkelayakan dan suka balek sa-mula kepada academic stream. Di-dalam Comprehensive School ini juga perkara<sup>2</sup> yang di-beri pelajaran di-situ boleh di-katakan lebeh baik daripada yang di-berikan di-Sekolah Lanjutan; bukan lebeh baik sahaja ia-itu lebeh berpeluang lagi. Jadi tidak-lah betul yang di-katakan ia-itu Sekolah Lanjutan itu di-tubuhkan dengan gopoh-gapah. Di-sini juga Comprehensive School atau pun Sekolah Aneka Jurusan ini telah di-pereksa dengan teliti-nya oleh sebab saya kata begitu kerana mustahak bagi Kerajaan mengkaji dengan teliti-nya kerana Comprehensive School ini memakan duit yang banyak. Jadi bagi Kerajaan yang bertanggung-jawab mesti mengkaji dengan teliti-nya sa-belum menubuhkan Comprehensive School ini.

Dan atas soal yang kanak<sup>2</sup> yang dahulu lepasan daripada Sekolah Lanjutan itu tidak bekerja bagaimana yang telah di-ajar-nya di-dalam Sekolah Lanjutan itu dan pergi menjadi kerani<sup>2</sup> dan menjadi peon<sup>2</sup>. Ini satu soal, yang bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Senator Nik Hassan tadi, ia-itu ia-lah soal jiwa. Soal jiwa ini boleh juga kita buka jalan supaya boleh menggunakan soal jiwa itu, tetapi soal jiwa itu hendak-lah ada pada murid<sup>2</sup> dan kapada ibu bapa. Tetapi kita janganlah padang terlampau kurang sangat atas soal ini, kerana telah nampak perubahan hari ini, bagaimana dahulu orang<sup>2</sup> memandangkan ia-itu kerja buroh itu satu kerja hina, tetapi sekarang banyak tukar fikiran mereka<sup>2</sup> telah memandangkan pekerjaan buroh itu ia-lah satu kerja yang sangat utama dalam satu masyarakat yang berchorak kemerdekaan.

Atas soal yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Che' Bibi Aishah tadi ia-itu soal patut-nya, tidak tepat-lah dengan soal pindaan

ini ia-itu atas soal buku<sup>2</sup>, patut saya memberi tahu Dewan ini ia-itu soal itu memang-lah telah pun di-jalankan oleh Kementerian dan tindakan, kalau belum, di-jalankan akan di-jalankan pada tahun yang akan datang. Soalan yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Che' Bibi Aishah ini memang telah di-binchangkan dalam Cabinet dan kita bersetuju-lah dengan tegoran<sup>2</sup>-nya dan saya perchaya tindakan atas tegoran-nya itu akan di-laksanakan jikalau tidak dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya, sa-banyak sa-dikit akan di-buat. Sekian, terima kaseh.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

*Clauses 1 to 6* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

### THE FEDERAL INDUSTRIAL DEVELOPMENT AUTHORITY (INCORPORATION) BILL

#### Second Reading

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to incorporate the Federal Industrial Development Authority to be charged with responsibility for the promotion and co-ordination of industrial development in the Federation" be read a second time.

**Dato' Y. T. Lee:** Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

**The Assistant Minister of Commerce and Industry (Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman):** Mr President, Sir, Honourable Members will recall that the Rueff Economic Mission which visited Malaya and the prospective Malaysian territories in 1963 recommended, amongst other things, in its report and recommendations on the economic aspects of Malaysia, the

establishment of an autonomous central agency to be called the Federal Industrial Development Authority or, in short, F.I.D.A., as a measure to co-ordinate development policies and activities and to stimulate and accelerate the growth of industrial development in Malaysia, which, at the present time, are carried out by several agencies and governments in the various States of Malaysia. One of the main functions of this Authority would be to carry out feasibility studies in order to determine specific industrial projects which could be economically established in Malaysia. This information will greatly help to speed up the industrialisation of the country as it will facilitate promotion and provide investors with a readily available list of investment possibilities. At the moment investors have to make their own investigations and estimation of investment opportunities in the country. The Authority, through the composition of its membership, will be able to co-ordinate the industrial development policies and activities of the various States and organisations engaged in industrial development. The Authority would advise the Government on the formulation of a co-ordinated industrial development policy throughout Malaysia.

The Mission, however, recommended that as there already exists a number of industrial financing institutions the activities of F.I.D.A. should exclude industrial finance. These recommendations have been welcomed and endorsed by all the States. The States of Singapore, Sabah and Sarawak have been consulted on the draft of the Bill and they have expressed no objection to the Bill.

As Honourable Members will note, the Bill provides for the incorporation of F.I.D.A., the composition for its membership and its main functions. The Authority will be responsible to the Minister of Commerce and Industry who may give direction to the Authority of a general nature not inconsistent with the provisions of the Bill. The constitution of the Authority provides membership for all those agencies or institutions engaged in

commerce, manufacturing, industrial financing and industrial development. The Authority is also empowered to undertake development of industrial sites either on its own account or on behalf of State Governments in view of the importance of such developed sites in promoting industrial development.

The Authority will be financed by Government grants. The Bill also provides for procedure of meetings of the Authority and the Minister is empowered to make such regulations as he deems necessary.

In relation to Singapore, this subject is concurrent and, as such, Article 79 (2) of the Constitution would apply. However, because of the urgency and the fact that the Singapore Government has been consulted and has no objection to the Bill, I would ask that this Bill be allowed to be proceeded with. I hope it will have the full support of the House.

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I rise to support this Bill and the principles underlined in the Bill. I notice that in Clause 2, sub-section (3), the composition of the Authority has been set out. Under Clause 2 (3) (f), it is mentioned that there will be ten members of whom not more than seven shall represent institutions of commerce, manufacturing industries, industrial financing and in industrial development. I am interested in the reference to the manufacturing industries. As we all know, Sir, there are two distinct Associations in our country representing manufacturing industries. But I would like to draw the Government's attention to the fact that the Malaysian Manufacturers Association was and still is the original Association representing industries. In particular, the M.M.A. represents, what we call, the "small man's industries" as against the other Association which represents foreign vested interests. I would, therefore, appeal to the Government to ensure that there is representation in the F.I.D.A. for the M.M.A. Thank you.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong

Rang Undang<sup>2</sup> ini, bahkan saya rasa sudah menjadi kelewatan bagi badan atau pun Rang Undang<sup>2</sup> ini di-kemukakan kepada Parlimen ini. Kerana sudah berapa lama masa-nya kemajuan perusahaan ini telah berjalan dalam negeri kita dan telah berapa banyak modal yang di-datangi daripada luar ka-negeri kita ini. Perusahaan telah pun di-buka, tetapi keadaan yang berjalan itu tidak-lah begitu memuaskan hati. Jadi dengan ada-nya badan yang di-chadangkan bagaimana yang di-sebutkan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, saya perchaya keadaan perjalanan Kerajaan bagi menyatukan chara tadbir dalam perkara kemajuan perusahaan ini akan menjadi lebeh baik dan lebeh kemas lagi.

Saya tunjukkan satu chontoh bagaimana perkara yang berlaku dalam negeri kita dalam bahagian kemajuan perusahaan ini. Umpama-nya, sa-telah kita merdeka, banyak pemodal<sup>2</sup> daripada luar yang datang hendak menanam modal, telah membuka perusahaan di-negeri kita ini. Tetapi dengan kerana tidak ada pimpinan yang betul<sup>2</sup> daripada pehak Kerajaan, sa-bagaimana ada-nya badan yang di-chadangkan itu, jadi rebutan bagi mendapatkan modal luar itu ada-lah menjadi satu perkara yang timbul dalam negeri kita ini. Dalam rebutan untuk mendapatkan modal luar ini, saya tengok orang Melayu kita-lah yang ketinggalan terus-menerus daripada mula negara kita ini merdeka sa-hingga-lah sampai pada hari ini. Boleh-lah di-katakan usaha<sup>2</sup> mendapatkan modal luar masuk ka-dalam negeri ini di-lakukan dengan bersendirian oleh pehak<sup>2</sup> pedagang yang ada dalam negeri kita ini. Jadi pedagang<sup>2</sup> ini terpulang-lah kepada siapa yang lebeh cherdek, lebeh pandai, lebeh bijak, lebeh tegas untuk mendapatkan peluang<sup>2</sup> perusahaan ini. Tetapi kalau sa-kira-nya kita adakan badan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan sa-umpama ini, saya harap badan ini akan mengambil tanggung-jawab yang benar<sup>2</sup> dalam usaha memasokkan modal luar kepada negeri kita ini.

Sungguh pun dalam Undang<sup>2</sup> ini tidak di-sebut tanggung-jawab badan

ini bagi perkara<sup>2</sup> kewangan atau pun perkara<sup>2</sup> modal, tetapi saya rasa badan ini, apabila dapat di-jalankan, saya rasa ada peluang<sup>2</sup> yang boleh di-jalankan untuk memberi pertolongan kepada orang Melayu supaya menyertai sama dalam perusahaan dan perdagangan negeri ini. Dan untuk memberi peluang itu kepada orang Melayu bersama dalam kemajuan perusahaan ini, saya rasa ahli dalam lembaga ini atau pun dalam badan ini yang mengandongi wakil<sup>2</sup> daripada pertubohan<sup>2</sup> itu sa-patut-nya-lah di-ambil sama wakil daripada gabungan Dewan<sup>2</sup> Perniagaan Malaysia kita yang telah ada di-tubuhkan dalam negeri ini. Jadi di-dalam Malaysia ini tidak ada sa-buah badan yang di-namakan badan mewakili pertubohan, badan yang di-tubuhkan oleh anggota<sup>2</sup> yang mempunyai perusahaan<sup>2</sup> dalam negeri ini, tetapi boleh-lah Kerajaan mengakui supaya Gabungan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia itu menjadi wakil sa-kurang<sup>2</sup>-nya bagi ahli<sup>2</sup> perusahaan Melayu atau pun orang<sup>2</sup> Melayu yang ada mengambil bahagian sama dalam perusahaan<sup>2</sup> di-negeri ini supaya dudok di-dalam badan ini menjadi wakil bagi kaum pedagang atau pun kaum perusahaan Melayu yang ada dalam Malaysia ini.

Saya harap Menteri yang berkenaan dapat memberi sedikit penerangan bagaimana chara-nya badan ini, yang akan di-tubuhkan itu, dapat berjalan bersama<sup>2</sup> dengan badan<sup>2</sup> lain seperti M.I.D.F.L. ia-itu badan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan juga untuk memodali perusahaan<sup>2</sup> dalam negeri kita. Sebab dalam tanggung-jawab badan ini—badan yang di-chadangkan itu, tanggungan-nya ia-lah sa-mata<sup>2</sup> untuk menasehatkan Kerajaan atau pun untuk menasehatkan chara<sup>2</sup> bagaimana dapat di-majukan perusahaan dalam negeri ini. Dan mempelajari peluang<sup>2</sup> bagi memajukan perusahaan dalam negeri ini. Jadi kalau sa-kira-nya badan ini tidak ada meliputi kuasa<sup>2</sup> mengenai perkara modal, saya bimbang takut menjadi kelambatan dalam kerja kemajuan perusahaan ini, kerana satu<sup>2</sup> perusahaan yang hendak mendapat sokongan daripada Kerajaan itu mestilah lebeh dahulu mendapat sokongan

atau pun mendapat akuan daripada badan yang di-tubuhkan ini kemudian sa-telah dapat akuan daripada badan ini mereka itu akan terpaksa menemui pula M.I.D.F.L., umpama-nya, untuk mendapatkan bantuan modal. Jadi kalau sa-kira-nya mereka ini menemui M.I.D.F.L. mendapat kesulitan, satu penyiasaan pula daripada M.I.D.F.L. untuk memberikan sokongan modal itu. Jadi kerja untuk membenarkan satu<sup>2</sup> perusahaan itu akan mengambil masa. Terutama-nya bagi mendapatkan tapak<sup>2</sup> perusahaan mereka di-tiap<sup>2</sup> negeri itu ada kuasa pula di-atas tanah untuk hendak menjadikan perusahaan di-kawasan perusahaan itu. Jadi untuk mendapatkan tapak bagi perusahaan, untuk mendapatkan modal bagi perusahaan itu dan mendapatkan nasehat<sup>2</sup> atau pun akaun bagi mendapatkan certificate bagi taraf perintis dan sa-bagai-nya, ini satu kerja yang sangat mengambil masa panjang kira-nya tidak di-chantumkan kuasa<sup>2</sup> itu didalam satu lembaga sa-bagaimana di-chadangkan ini, chara bagaimana boleh kerjasama itu di-lakukan supaya dapat kita melekaskan lagi kerja<sup>2</sup> pembangunan perusahaan ini.

Bagi saya, Undang<sup>2</sup> ini sangat-lah mustahak, tetapi chara pelaksanaan Undang<sup>2</sup> ini, kita harap akan dapat diperkembangkan dalam masa hendak melaksanakan itu. Sebab apabila kita hendak meluluskan Undang<sup>2</sup> ini, tidak-lah menjadi sangat mudah meluluskan Undang<sup>2</sup>, menhadangkan badan yang sa-umpama ini, tetapi apabila badan itu berjalan, chara perjalanannya itu-lah yang menjadi satu perkara yang menyulitkan atau menyusahkan. Jadi, saya tunjok satu contoh—bagi orang yang hendak mendapatkan bantuan modal daripada Kerajaan, umpama-nya, apabila mereka menuntut bantuan modal daripada Kerajaan, kadang<sup>2</sup> pehak Kementerian yang berkenaan menasehatkan supaya perusahaan itu menemui RIDA, umpama-nya, untuk mendapatkan modal. Apabila perusahaan ini berjumpa dengan RIDA, RIDA kata boleh-lah berjumpa dengan M.I.D.F.L. Jadi menemui M.I.D.F.L., oh . . . ini perkara tidak termasuk dalam lengkongan Undang<sup>2</sup> M.I.D.F.L. Jadi chara

menjalankan itu menyusahkan pehak yang hendakkan kepada bantuan itu.

Tetapi kalau sa-kira-nya ada satu badan yang boleh meliputi anggota<sup>2</sup> yang mewakili M.I.D.F.L., umpama-nya, RIDA umpama-nya, atau pun lain<sup>2</sup> badan lagi yang menyatukan berkenaan dengan bantuan modal ini atau pun chara bantuan modal ini terletak juga sama di-bawah F.I.D.A. ini, saya rasa ini ada-lah satu perkara yang lebeh baik dan lebeh chergas dapat di-jalankan. Chuma F.I.D.A. nanti menasihatkan M.I.D.F.L., perusahaan ini boleh di-bantu kadar sekian banyak, umpama-nya, atau pun bagi membena-kan perusahaan ini atau patut melaksanakan sa-suatu kerja yang mustahak. Jadi kalau F.I.D.A. ini ada juga tanggungan berkenaan dengan meniasat tentang kemajuan perusahaan itu dan modal-nya sekarang, jadi ini lebeh chepat lagi, saya rasa kerja<sup>2</sup> untuk kemajuan ini.

Sa-lain daripada itu, bagaimana Tuan Menteri kata tadi, timbul-nya Undang<sup>2</sup> ini ia-lah daripada chadangan yang di-kemukakan oleh pakar daripada luar negeri yang datang menasihatkan kepada kita supaya mengadakan F.I.D.A. ini. Jadi memang-lah, kalau pakar daripada luar negeri, mereka ini menimbangkan tentang kalau kemajuan, kemajuan kepada umum-nya yang dalam negara kita ini. Kemajuan, kalau hendak perusahaan, ma'ana kepada perusahaan yang umum. Jadi bagi Kerajaan umpama-nya, patut-lah memikirkan juga dalam melaksanakan shor yang di-kemukakan oleh pakar daripada luar negeri itu, apabila kita hendak melaksanakan shor itu, patut kita fikir macham mana hal orang Melayu yang ada dalam perusahaan ini. Patut menjadi satu perkara, kira-nya kita hendak melebihi perusahaan. Di-mana dudok-nya orang Melayu supaya dapat mereka ini menyertai sama, bagaimana dasar kita yang ada sekarang ini. Jadi kita melebarkan atau memanjangkan perusahaan, pada umum-nya, tetapi kita tinggalkan dasar untuk hendak menyertakan orang Melayu dalam perusahaan ini. Jadi orang Melayu itu ketinggalan. Jadi ketinggalan dan pelaksanaan kita ini kita

bagi pada umum-nya. Jadi makin lebar perusahaan dalam negeri ini, makin ketinggalan, makin kurang, makin mati perjalanan dan dasar kita berkenaan dengan hal penyertaan orang Melayu dalam perusahaan dan perdagangan. Jadi kalau sa-kira-nya kita ambil keputusan shor daripada pakar dunia itu dalam perkara dasar umum, kemudian kita masok chara mana kita hendak letakkan, hendak melebarkan sama orang Melayu dalam perusahaan ini. Jadi saya rasa itu sesuai dengan dasar negara kita ini. Jadi chara hendak menyesuaikan dengan dasar negeri kita ini, supaya orang Melayu dapat berchampur dalam perusahaan yang sa-umpama ini. Inilah sebab-nya, saya rasa, Undang<sup>2</sup> ini patut-lah juga mengambil tugas dalam menimbangkan kemajuan perusahaan dalam negeri ini, chara mana badan yang kita tubuhkan itu, patut di-fikirkan sama, chara hendak memajukan perusahaan yang ada dalam negeri ini bagi pehak orang Melayu yang ada di-dalam negeri ini umpama-nya, sa-kurang<sup>2</sup>-nya perusahaan yang ada pada tangan orang Melayu, yang sedang orang Melayu uruskan, chara mana hendak mengembangkan dia, chara mana hendak memajukan dia. Jadi patut-nya badan ini boleh sama memikirkan sama pada umum-nya, chara mana hendak memajukan perusahaan ini atau pun perusahaan yang belum lagi orang Melayu pegang umpama-nya, chara mana hendak bagi dan boleh menyertai sama. Jadi biar ada tanggung-jawab di-bawah Lembaga atau pun Badan yang ditubuhkan itu. Dan bagi memikirkan sama hal ini, saya rasa perlu Gabongan Dewan Perniagaan Melayu umpama-nya, di-jemput mendudok dalam Badan ini supaya dapat memberi fikiran yang sama tentang chara<sup>2</sup> bagaimana pelaksanaan yang sa-umpama itu dapat di-jalankan.

Jadi saya rasa, Dato' Yang di-Pertua, dalam memikirkan tiap<sup>2</sup> satu hal kemajuan yang kita hendak laksanakan, melaksanakan daripada yang di-nasihatkan oleh pakar dunia itu, biar-lah kita jangan ketinggalan, sama di-dalam dasar kita hendak menyertakan sama orang Melayu itu, supaya

jangan-lah kita pandang ka-hadapan ketinggalan terus dasar kita yang sudah di-tetapkan itu. Sekian sahaja pandangan saya kepada Rang Undang<sup>2</sup> ini dan saya menyokong dengan kuat-nya supaya Badan ini segera ditubuhkan dan biar-lah ada orang Melayu yang daripada wakil Badan Perniagaan Orang Melayu atau Badan Perusahaan Orang Melayu yang boleh bersama<sup>2</sup> memikirkan, memberi, mengemukakan apa<sup>2</sup> pendapat bagi pehak perdagangan atau perusahaan orang Melayu. Sekian sahaja, terima kaseh.

**Enche' S. O. K. Ubaidulla:** Sir, I rise to support the Bill and wholeheartedly welcome the formation of the Industrial Development Authority. Indeed, this Authority should have been formed some years ago because the need for such an Authority is very great.

Sir, I see that this Authority would be charged with various functions of great importance. I would like to state here that time would be the essence in the discharge of the duties of this Authority. I am told that there is a sizeable backlog in the much-needed service in the industrial development field in the Federation. This Authority should have great zeal and speed in granting pioneer status. This Authority should also post haste proceed with the recommending of policy of industrial site development and boldly venture to develop badly needed industrial site. It is wrong to induce industries to go to places where necessary facilities are not available.

Sir, from this angle, I very much look forward to the speedy formation of this Authority so that it will quickly settle down to do its work. Thank you.

**Tuan Syed Ahmad bin Syed Mahmud Shahabuddin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan tertuboh-nya F.I.D.A. atau Authority yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat dalam Undang<sup>2</sup> ini, saya rasa kemajuan perusahaan dalam negeri ini akan dapat berjalan lebeh maju dan lebeh deras lagi. Saya berharap akan menjadi satu

anggung-jawab Badan ini pergi memeriksa dan menyelidiki tentang mengadakan tempat<sup>2</sup> perusahaan di dalam tiap<sup>2</sup> negeri dalam Malaysia ini, dengan sebab telah menjadi perasaan kebanyakan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, juga Kerajaan<sup>2</sup> Negeri, supaya di-adakan tempat<sup>2</sup> perusahaan di dalam tiap<sup>2</sup> negeri sa-muga dapat kita mengatasi masalah penganggoran dan sa-bagai-nya. Dengan ada-nya Badan ini, saya rasa tidak-lah payah lagi Kerajaan Negeri mengadakan usaha<sup>2</sup> yang banyak bagi mengadakan tempat<sup>2</sup> perusahaan di-dalam tiap<sup>2</sup> negeri sa-bagaimana sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan dalam Clause 2 Bill ini tentang bentok Authority ini. Saya rasa patut juga di-adakan Wakil bagi negeri<sup>2</sup> di-dalam Authority ini supaya melichinkan kerja<sup>2</sup> serta mendapatkan kerjasama yang rapat daripada Kerajaan Negeri, umpama-nya, bagi mendapatkan tanah dan sa-bagai-nya. Saya rasa dengan ada-nya Wakil daripada Kerajaan Negeri<sup>2</sup>, jika tidak kesemua-nya sa-orang Wakil menchukupi bagi semua negeri yang ada dalam Malaysia ini. Maka saya rasa lebeh lichin lagi perjalanan Authority ini bagi menjalankan kerja-nya.

Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

**Enche' Ahmad bin Haji Taff:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun juga memberi sokongan yang penoh kapada Bill yang ada di-hadapan kita ini. Chuma, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sedikit perhatian kapada Kementerian yang berkenaan, supaya dapat pehak yang berkenaan dengan RIDA ini, apabila bergerak di-Singapura nanti, maka peserta<sup>2</sup> anak negeri itu, khas-nya orang<sup>2</sup> Melayu, dapat di-ikhtiarkan dan di-bolehkan bersama<sup>2</sup> mengambil faedah. Ini perlu sa-bagai yang sudah<sup>2</sup>, Kerajaan sentiasa menchari jalan supaya segala perusahaan dan segala kemajuan negeri dapat di-sertaï oleh anak<sup>2</sup> negeri.

Tetapi malang-nya, selalu faedah yang tepat, tidak dapat sampai kapada pehak, apa yang di-katakan, betul<sup>2</sup> anak negeri, saperti di-Singapura, di-katakan orang<sup>2</sup> Melayu di-sana. Jadi apa yang di-katakan oleh Ahli Yang

